Pusat Kesatria

LMCB1112 Pertahanan Awam / *Civil Defense*

Pengenalan Pertahanan Awam diadakan dengan tujuan untuk memberi kesedaran dan memupuk semangat kesukarelawan dikalangan mahasiswa serta membentuk keperibadian mereka untuk menjadi individu yang berpengetahuan dalam ilmu Pertahanan Awam. Ia

juga menjadi pemangkin kepada jati diri kebangsaan dan kesedaran keselamatan orang awam melalui ilmu Pertahanan Awam yang diterapkan serta diaplikasikan di peringkat komuniti universiti. Program ini akan melibatkan sejarah pertahanan awam, fungsi/peranan, arahan keselamatan dan peraturan-peraturan, perkhidmatan dan lawatan kerja yang membantu memantapkan kesepaduan sosial. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran dan pembelajaran berasaskan masalah.

Bacaan Asas

- Nazri Muslim. 2014. *Islam dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Rizal Yaakop dan Sham Rahayu A. Aziz. 2014. *Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Kerajaan Malaysia. *Akta Pertahanan Awam 1951 (disemak 1979)*, Kuala Lumpur: International Law Book Servic
- Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 (semakan semula), 2013, Jabatan Perdana Menteri.
- Nota Latihan Asas Pertahanan Awam Malaysia, Pusat Latihan Awam Malaysia (PULAPA)

LMCB3114 PALAPES Tentera Darat Peringkat Rendah / ROTU Armed Forces Junior Level

Kursus ini merupakan asas kepada PALAPES. Ia bertujuan untuk membangunkan jati diri pelajar UKM melalui input asas ketenteraan. Kursus ini berorientasikan akademik, latihan fizikal dan penilaian berterusan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai etika, nilai dan jati diri. Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan ketenteraan, kenegaraan, bina diri, latihan fizikal, lawatan dan perkhemahan. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk amali pembelajaran.

Bacaan Asas

- Abd Aziz bin Zainal. T3001 *Manual Taktik Tentera Darat*. 2001. Kuala Lumpur. Kem Imphal.
- Asisten Panglima BPS. 2010. *Rancangan Pengurusan Latihan*. Kuala Lumpur. Mindef.
- Barkley, E.F. 2010. *Student Enagment Techniques: A Handbook for College Faculty*. San Francisco, CA: Jossey-Bass
- Mohd Rizal Yaakop dan Sham Rahayu A. Aziz. 2014. *Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Nazri Muslim. 2014. Islam dan Melayu Dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia. Bangi: Penerbit UKM.

LMCB3123 SUKSIS 2 (Etika, Kepimpinan dan Khidmat Masyarakat) / *SUKSIS 2 (Ethics, Leadership and Community Service)*

Kursus ini merupakan kursus lanjutan dalam Kor Suksis. Fokus kursus adalah berkenaan etika dalam perkhidmatan awam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan ahli Kor Suksis. Peserta juga akan terlibat dalam merancang dan melaksana program khidmat masyarakat.

Bacaan Asas

Silibus kursus asas KOR SUKSIS IPTA 1

Silibus latihan KOR SUKSIS UKM Bangi. Selangor

Hans Köchler, Unity in Diversity: The Integrative Approach to Intercultural Relations. UN Chronicle, Vol. XLIX, No. 3, September 2012.

LMCB3133 Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Asas) / *Civil Defense Undergraduates Corps (Basic)*

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman dan pengetahuan asas kepada pegawai kadet Sispa mengenai pertahanan awam. Pelajar akan didedahkan mengenai latihan teori dan praktikal, akta & peraturan dan pengurusan Pertahanan Awam. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah interaktif, kerja lapangan, pembelajaran berasaskan kumpulan/individu dan demonstrasi/simulasi. Di akhir kursus ini, pelajar dapat memahami tanggungjawab dan pengurusan Pertahanan Awam serta melibatkan diri dalam khidmat sukarelawan.

Bacaan Asas

The Commissioner of Law Revision, Malaysia Under the Authority of The Revision of Laws Act

1968, 2006, Laws of Malaysia Reprint Act 221 Civil Defence Act 1951 Incorporating All Amendments Up To 1 January 2006, Percetakan Nasional Malaysia Bhd

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, 2013, Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Mohd Rizal Yaakop dan Sham Rahayu A. Aziz. 2014. Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan

1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Nota Latihan Asas Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, Kuala Lumpur.

Noor Aziah Mohd Awal, 2005 [cetakan semula 2008], Pengenalan Kepada Sistem

Perundangan di Malaysia, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Jabatan Pertahanan Awam, 2015, Buku Siri 4: Jabatan Pertahanan Awam, Cawangan Perhubungan Awam dan Dokumentasi, Ibu Pejabat Pertahanan Awam, Kuala Lumpur.

LMCB3623 Bulan Sabit Merah Malaysia 2 / *Malaysian Red Crescent 2*

Kursus ini bertujuan memberikan latihan serta menguji kecekapan, kesiapsiagaan dan kebolehan menghadapi ancaman bencana alam. Pelajar akan didedahkan dengan pelan persediaan awal sebagai langkah persiapan bagi memastikan peranan dalam pengurusan bencana alam dan operasi menyelamatkan seperti telah digariskan dalam arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 dilaksanakan dengan jayanya. Pelajar akan diberi kefahaman tentang pengetahuan pertolongan cemas lanjutan dalam usaha menyelamatkan nyawa, mengelakkan keadaan mangsa dari menjadi lebih teruk dan memberi kelegaan dan keselesaan kepada mangsa.

Sepanjang kursus, pelajar diberi pendedahan berkaitan dengan pengendalian operasi bantuan bencana alam dan menyelamatkan. Pelajar juga diajar mengendalikan rawatan kes kecemasan kepada mangsa yang mengalami kemalangan. Di akhir kursus, pelajar dapat mengaplikasikan dan mengajar orang awam mengenai pengendalian bantuan bencana dan kes kecemasan.

Bacaan Asas

International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies (2016) International First Aid and Resuscitation Guideline 2016, Geneva, Switzerland

Henry Dunant (2013), A Memory Of Solferino, ICRC, Geneva.

Tao Le, Vikas Bhushan & Matthew Sochat (2016). First Aid For The Usmlc Step 1. McGraw-Hill Education / Medical Mc. UK

St John Ambulance, St Andrew's First Aid and the British Red Cross (2014). First Aid Made Easy, Dorling Kindersley

Pusat Kepimpinan Wanita

LMCR2192 Gender dan Pembangunan Menuju Negara Berpendapatan Tinggi / *Gender and Development towards a High-Income Nation*

Kursus ini membincangkan konsep asas, latar belakang dan realiti sosial masa kini hubungan etnik di Malaysia dari perspektif kesepaduan sosial. Tujuan kursus ini ialah memberikan kesedaran dan penghayatan dalam mengurus kepelbagaian ke arah pengukuhan negara bangsa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti individu, berpasukan dan semangat kesukarelaan. Di akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat mengamalkan nilai-

nilai murni, mempunyai jati diri kebangsaan, dan menerima kepelbagaian sosio-budaya etnik-etnik di Malaysia.

Bacaan Asas

- Beneria, L. & Berik, G. 2016. *Gender, Development and Globalization: Economics as if All People Mattered*. London: Routledge.
- Cecilia Ng, Noraida Endut & Rashidah Shuib. 2014. *Our Lived Realities: Reading Gender in Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. 2010. *Model Ekonomi Baru*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia. 2015. *Rancangan Malaysia ke-11 - 2016-2020*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Nik Safiah Karim & Rokiah Talib. 2016. *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak. Bangi: Penerbit UKM*.

LMCR1192 Kursus Pengurusan Etnik dan Budaya / *Ethnicity and Cultural Management*

Kursus ini bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di antara pelajar pelbagai etnik di samping menerap nilai positif dari setiap budaya dan membentuk komunikasi yang baik diantara pelajar pelbagai etnik bagi menghalang polarisasi budaya. Ia juga menjadi medium utama dalam mengetengahkan bakat pelajar dalam kebudayaan etnik masing-masing di samping memberi peluang untuk mengenali kebudayaan etnik lain bagi mewujudkan sentiment perpaduan kaum yang tinggi. Program ini akan melibatkan acara penonjolan bakat, pengurusan acara kebudayaan, aplikasi kebudayaan kepada komuniti sertarampai budaya pelbagai etnik di dalam sesuatu acara. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran dan pendekatan praktikal.

Bacaan Asas

- Alisyahbana, Sutan Takdir. (1988). *Kebudayaan Sebagai Perjuangan*. Jakarta: PT Dian Rakyat.
- Boelaars, Y. (1984). *Kepribadian Indonesia Modern, Suatu Penelitian Antropologi Budaya*. Jakarta: PT Gramedia
- Geertz, Clifford (1982). *Abangan, Santri dan Priyayi Dalam Masyarakat Jawa*. Jakarta: Pustaka Jaya, Yayasan Ilmi-Ilmu Sosial.
- Geertz, Hildred. (1981). *Aneka Budaya dan Komunitas di Indonesia*. Penerjemah: A Rahman Zainuddin. Jakarta: Yayasan Ilmu-Ilmu Sosial dan FIS - UI
- Harsojo. (1999). *Pengantar Antropologi*. Bandung: CV Putra A Bardin.

Fakulti Perubatan

LMCR1162 Kesukarelawanan Kemanusiaan UKM MERCY / *UKM MERCY Humanitarian Volunteer*

Kursus ini bertujuan bagi membangunkan jati diri pelajar UKM sebagai seorang sukarelawan yang berteraskan nilai-nilai murni negara. Kursus ini berorientasikan akademik, latihan fizikal dan penilaian berterusan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, akhlak, etika, nilai dan jati diri. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan kesukarelawanan, latihan fizikal, lawatan dan perkhemahan. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran, pembelajaran berasaskan masalah, dan Service Learning.

Fakulti Sains & Teknologi

STPD3113 Bioetika / *Bioethics*

Kursus ini akan menitikberatkan aspek etika dan isu- isu semasa berhubung dengan penggunaan hasil-hasil kemajuan sains dan teknologi seperti projek genom manusia dan kejuruteraan genetik untuk manfaat kesihatan / perubatan, pertanian, kualiti kehidupan manusia sejagat dan pengurusan alam sekitar dan sumber alam. Tajuk-tajuk yang akan dibincang ialah teori etika, sains dan etika penyelidikan yang menjurus kepada pembinaan insan saintis yang beretika dengan menyentuh isu-isu bioetika semasa. Aspek etika berkaitan pengklonan manusia dan pemilihan keturunan (eugenik) seperti gen kebijaksanaan dan prestasi fizikal akan diberikan perhatian.

Bacaan Asas

Baron, J. 2007. *Against Bioethics*. Cambridge,Mass. London:MIT.

Charles, C. & Nigel de S.C. 2004. *Human Dignity in the Biotech Century*. InterVarsity Press.

DeVries, R & Sudedi, J. 1998. *Bioethics and Society: Constructing the Ethical Enterprise*. Prentice Hall, Upper Saddle River NJ. USA.

Rajaretnam, M.1994. *Bioethics and Environmental Education*. UNESCO. Institute for Policy Research Malaysia.

Bulger, R.E., Heitman, E. & Reiser, S.J. 1993. *The Ethical Dimensions of the Biological Sciences*. Cambridge University Press.

Fakulti Pengajian Islam

LMPP1102 Etika dan Kerohanian Dalam Kaunseling / *Ethics and Spirituality in Counselling*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar mengenai kepentingan nilai agama dalam etika dan terapi kaunseling dan hubungan antara kaunseling dengan tanggungjawab agama. Terdapat tiga topik utama yang dibincang dalam kursus ini iaitu hubungan antara konsep dan teori tentang etika dan terapi kerohanian dalam kaunseling, sifat kaunselor profesional yang beretika dan terapeutik, serta konsep etika dan terapi kerohanian dalam kaunseling untuk masyarakat pelbagai budaya. Kursus ini berupaya membimbing pelajar untuk mengenal pasti masalah sosial dalam masyarakat dan mencari jalan penyelesaian melalui pengalaman pembelajaran, Pembelajaran Berasaskan Masalah dan penyelidikan di lapangan.

Bacaan Asas

- Abd. al-Karim Bakar. 2012. Iktishaf al-Dhat – Dalil al-Tamyiz al-Shakhsi. al-Urdun: Dar al-Aclam.
- Allen E. Ivey, Mary Bardford Ivey & Carlos P. Zalaquett. 2014. Intentional Interviewing and Counseling- Facilitating Client Development in a Multicultural Society. Edisi Ke-8. USA: Thomson Brooks/Cole.
- Kod Etika Kaunselor – Lembaga Kaunselor (Malaysia), 2011. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Penerbitan Lembaga Kaunselor.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainab Ismail. 2016. Praktikum Bimbingan & Kaunseling: Satu Pengalaman dan Panduan Kepada Kaunselor. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

LMPP1112 Etika Kerja Dan Bisnes Dalam Islam / *Works Ethics and Business in Islam*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar mengenai konsep dan prinsip etika kerja dan perniagaan dalam Islam. Antara tema-tema asas yang diperkenalkan adalah seperti takrif dan peranan etika (akhlaq) dalam Islam, konsep dan kepentingan pekerjaan ('amal), terutama dalam bidang perniagaan (tjjarah), bidang-bidang perniagaan yang halal dan haram, pendekatan Islam terhadap harta (al-mal), serta agihan harta kekayaan (infaq) kepada masyarakat melalui pelbagai institusi Islam seperti zakat, sadekah dan nafkah. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran, pembelajaran berasaskan masalah dan pembentangan tugas bertulis.

Bacaan Asas

- Miskawayh. 1966. Tahdhib al-Akhlaq. Beirut: The American University of Beirut.
English translation by C.K. Zurayk. 1968. The Refinement of Character. Beirut:

- The American University of Beirut.
- Mohd Nasir Omar. 2003. *Christian and Muslim Ethics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Nasir Omar. 2016. *Falsafah Akhlak*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mushtaq Ahmad. 1995. *Business Ethics in Islam*. Pakistan: The International Institute of Islamic Thought.
- Naqvi, S.N.H. 1981. *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*. Leicester: The Islamic Foundation.

PPPG1912 Pengantar Perundangan Islam

Kursus ini membincangkan aspek perundangan Islam yang merangkumi pengenalan kepada fiqh dan syariah, sejarah perundangan pada zaman rasulullah (s.a.w) sehingga tabi'in, sejarah kemunculan mazhab-mazhab Islam serta pengenalan kepada imam-imam mazhab Sunni, Syiah dan mazhab-mazhab lain. Begitu juga, perbincangan menyentuh sumber perundangan Islam, sejarah perbezaan pendapat dalam perundangan Islam serta ciri-ciri perundangan Islam. Selain itu, kursus ini turut membicarakan tentang pengajaran dan iktibar yang boleh diambil dan hikmah dari hokum-hukum Islam itu sama ada dari sudut ibadat, muamalat, munakahat mahupun jinayat dan pengaplikasiannya pada hari ini.

Bacaan Asas

- Mahmassani, Subhi 1987. *The Philosophy of Juresprudence in Islam*. (terj.) Farhat J. Ziadah. Selangor: Penerbitan Hizbi.
- I.DoI Abdul Rahman 1995. *Undang-undang Syariah*. (terj.) Rohani Abd Rahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qadri, Anwar Ahmad 1973. *Islamic Juresprudence in the Modern World*. Pakistan: S.H Muhammad Ashraf.
- Hassan Haji Salleh. 1979. *Sejarah Perundangan Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Yusof Zaky Yacob. 1985. *Mengenal Sejarah Perundangan Islam*. Kota Bharu: Dian, Darul Naim.

PPPG1942 Sistem Pemerintahan Islam

Kursus ini membincangkan tentang hubungan syariah dengan pemerintahan Islam seperti konsep dan ciri-ciri negara Islam serta tanggungjawab menubuhkan negara Islam. Seterusnya ia membincangkan tentang perlembagaan Islam, prinsip yang seharusnya ada dalam pemerintahan Islam berlandaskan apa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan zaman al-Khulafa' al-Rashidin. Ia juga turut membicarakan tentang institusi dalam pemerintahan Islam, sebagaimana ia juga menyentuh hak dan tanggungjawab pemerintah serta rakyat.

Bacaan Asas

al-Buraey. 2010. *Administrative Development: An Islamic Perspective*. New York: Routledge.

Husayn Mu'nis. 2008. *Dustur Ummat al-Islam*. Kaherah: Dar al-Rashad. al-Mawardi. 1989. *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Kuwait: Dar Ibn Qutaybah.

Taheer Naim. 2013. *Islamic System a Brief Overview*. USA: Xlibris Corporation. al-Zafiri, Khalid Dahwi Faddan. 2009. *Dawabit Mu'amalat al-Hakim 'ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah wa Atharuha 'ala al-Ummah*. Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah.

PPPG2912 Sistem Kewangan Islam

Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pelajar berkaitan sistem kewangan Islam dari segi struktur organisasi, sejarah pelaksanaan dan perkembangannya. Perbincangannya akan ditumpukan kepada sektor perbankan, bukan perbankan dan pasaran kewangan secara perbandingan dengan sistem konvensional, disamping menganalisis potensi, halangan dan prospek masa depan dalam menghadapi globalisasi kewangan dunia.

Bacaan Asas

Muhammad Nasri Md. Hussain 2013. *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia

Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. 2009. *Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.

Ab Mumin Ab Ghani. 1999. *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM

al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Damshiq: Dar al-Fikr.

PPPG2922 Undang-Undang Jenayah Islam

Perbincangan kursus ini merangkumi kesalahan-kesalahan jenayah sama ada yang dikenakan hukuman qisas, diyat, hudud dan takzir. Di samping itu juga, kursus ini membincangkan mengenai kehakiman Islam terutama pendakwaan, pembuktian dan menjatuhkan hukuman.

Bacaan Asas

al-Shirazi. 1379H. *al-Muhadhdhab*, Misr: Dar al-Kutub al-cArabiyyah al-Kubra. Al Nawawi. 1396H. *Raudat al-talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Ibn Qudamah. 138. *al-Mughni*. Misr: Tibacat al-Manar.

cAwdah, cAbd, al-Qadir. 1384H. *al-Tashric al-jina'I al-islami*. Misr: Maktabat Dar al-cUrubah.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1405H. *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Damshiq: Dar al-Fikr

PPPG2932 Undang-Undang Keluarga Islam

Kursus ini membincangkan secara perbandingan, syariah dan undang-undang ciptaan manusia yang berkaitan dengan hukum hakam perkahwinan dan kesannya kepada masyarakat. Perbandingan juga akan dilakukan di antara pendapat-pendapat mazhab fiqh di dalam perundangan Islam. Tumpuan khusus akan diberikan kepada undang-undang perkahwinan Islam, nilai dan tujuannya, hukum perkahwinan, rukun, syarat, tatacara perkahwinan dan kewajipan dan hak suami isteri serta hak dan tanggungjawab anak-anak. Kursus ini juga akan menyentuh masalah pembubaran perkahwinan, jenis dan hukumnya serta perkara-perkara yang berkaitan pembubaran perkahwinan seperti iddah, ruju' dan ihdad serta tuntutan selepas pembubaran perkahwinan seperti nafkah iddah, mut'ah, harta sepencarian dan perwarisan.

Bacaan Asas

- Mohammad Som Sujimon & Abdul Basir Mohamad. 2006. Fikah kekeluargaan. Gombak: Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia.
- Kharofa, Ala'eddin. 2004. Islamic family law a comparative study with other religions. Petaling Jaya: International Law Book Service
- Norliza Mohd Ghazali & Wan Abdul Fatah Wan Ismail. 2007. Nusyuz, syiqaq dan hakam menurut al-Quran, sunnah dan undang-undang keluarga Islam. Nilai: Penerbit KUIM.
- Zurina Abdul Khalid. 2003. Perceraian Masalah dan penyelesaian menurut perundangan Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Siti Zulaikha Mohd Nor. 1989. Perlindungan Kanak-kanak dalam Islam: perlaksanaannya menurut undang-undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin.

PPPH1922 Pengantar Hadith

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman mengenai hadith. Persoalan-persoalan yang dibincangkan ialah pengertian hadith dan istilah-istilah yang berkaitan dengannya, konsep wahyu, hubungan hadith dengan al-Qur'an, kedudukan hadith dalam perundangan Islam, periwayatan hadith pada masa Rasulullah sehingga masa atba' al-Tabi'in, metod ahli hadith di dalam menilai dan menerima hadith dan analisa pendapat orientalis terhadap hadis.

Bacaan Asas

- Budah @ Uдах Mohsin. 1995. Ulum al-Hadith. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Samsuddin. 1987. Kedudukan Hadith Dalam Islam. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia.
- Glosari Hadith. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Mustafa Azami. 1977. Studies In Hadith Methodology And Literature. Indianapolis: American Trust Publication.

Mohd. Napiah Abdullah. 1986. Peranan Dan Metodologi Hadis. Kuala Lumpur: Bahagian Hal ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

PPPH1932 Pemikiran Islam Kontemporari

Kursus ini mengupas pandangan dan respons para sarjana Islam moden seperti, Muhammad Abduh, Muhammad Iqbal, Isma‘il Raji al-Faruqi dan lain-lain terhadap isu-isu penting dalam pemikiran Islam kontemporari. Antara persoalan yang dibincangkan adalah seperti, kepentingan berfikir dalam Islam, Islam dan agama lain, Islam dan isu perkauman, konsep Negara Islam, Islam dan pembangunan ekonomi: etika kerja dan pemilikan kekayaan negara, isu kebebasan dan keadilan, isu liberalisme dan pluralisme agama, serta cabaran-cabaran terkini terhadap Islam.

Bacaan Asas

- Nasr, Seyyed Hossein. 1994. *A Young Muslims Guide to the Modern World*. Petaling Jaya: Mekar Publishers.
- Al-Faruqi, Isma‘il Raji. 1982. *Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Kuala Lumpur: International Institut of Islamic Thought.
- Iqbal, Muhammad. 1982. *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Lahore: Ashraf Printing Press.
- Salem Azam. 1982. *Islam and Contemporary Society*. London: Longman Group Limited.
- Al-Maududi, Abul A‘la. 1980. *Towards Understanding Islam*. London: The U.K. Islamic Mission.

PPPH1952 Pengantar Tafsir

Kursus ini memperkenalkan tentang pengertian tafsir dari sudut bahasa dan istilah, sejarah perkembangan tafsir, syarat-syarat mentafsir al-Quran dan pembahagian tafsir kepada beberapa bahagian seperti tafsir Tahlili, tafsir Ijmali, tafsir Muqaran dan tafsir Mawduci (tematik). Kursus juga turut membincangkan tafsir bi al-ma‘thur dan tafsir bi al-Ra‘yi.

Bacaan Asas

- Mohd. Zawawi Abdullah. 1997. *Ulum al-Qur‘an Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Pusat Islam.
- Zulkifli Mohd. Yusof. 1997. *Tafsir Ayat-Ayat Ahkam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Husin al-Zahabi. T.th. *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Beirut: Dar Ihya‘ al-Turath al-cArabi.
- Muhammad Abdul Al-Azim al-Zarqani. 1986. *cUlum al-Qur‘an*. Terj: Che Jaafar Che Hamid. Kedah: Pustaka Ikhwan.
- Mat Saad Abd. Rahman. 1982. *Ilmu Tafsir: Perkembangan dan Tokohnya*. Terengganu: Penerbit Yayasan Islam Terengganu.

PPPH1972 Pengantar Akidah Islam

Kursus ini bertujuan menjelaskan kepada pelajar tentang akidah Islam dengan menumpukan kepada konsep-konsep Iman, Islam, Ihsan, agama dan akidah berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Bacaan Asas

- Mohd. Sulaiman Yasin. 1985. *Islam dan Aqidah*. Selangor: al-Qamari Sdn. Bhd. H. Salim Bahreisy. 1985. *Inilah Islam*. Kuala Lumpur: al-Haramayn Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa & Mohd Asin Dollah. 1998. *Islam: Akidah Dan Kerohanian*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zaudaniy, Abdul Majid Aziz. 1989. *Tauhid: Pendekatan Saintifik*. (terjemahan). Selangor: al-Rahmaniyyah.
- Al-Tarabalusi, Husin Muhammad. 1977. *Benteng Akidah Islam*. (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PPPH1992 Pengenalan Pengajian Agama

Kursus ini memperkenalkan beberapa agama besar dunia yang menjadi anutan sebahagian besar masyarakat Malaysia. Agama-agama tersebut ialah Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Sikh dan kepercayaan agama masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia. Liputan kursus mengandungi pemetaan geografi agama-agama besar dunia, perkembangan, pengasas, kitab suci, doktrin-doktrin teologi seperti konsep ketuhanan, hari akhirat, peribadatan, moral dan ritual agama. Kursus turut membincangkan isu-isu semasa berkaitan hubungan antara agama dan keharmonian beragama di Malaysia.

Bacaan Asas

- Ameer Ali. 1974. *The Spirit of Islam. A History of the Evolution and Ideals of Islam with A Life of The Prophet*. London: Chatto & Windus.
- Dhammananda, Sri K. 1982. *What Buddhist Believe*. Kuala Lumpur: Buddhist Missionary Society. Cet. Ke-3.
- Noss, David S. & John B. Noss. 1984. *Man's Religion*. New York: Macmillan Publishing Company & London: Collier Macmillan Publishers. 7th Edition.
- Noss, David S. 2008. *A History of The World's Religion*. 12th Edition. New Jersey: Pearson Education.
- Owen Cole, W. & Piara Singh Sambhi. 1978. *The Sikhs: Their Religious Beliefs and Practices*. London: Routledge and Kegan Paul.

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

LMCR1142 Akal Budi Melayu / *Malay Character*

Secara amnya, kursus ini menekankan empat bidang utama yang berkaitan dengan akal budi Melayu, iaitu bahasa dan Linguistik, Kesusasteraan, Falsafah/ Epistemologi dan Manuskrip Klasik. Pelajar akan didedahkan dengan konsep, teori dan latar belakang tentang bidang-bidang yang berkenaan, yang sangat berkaitan dengan akal budi Melayu, termasuk bidang sains dan teknologi. Justeru pelajar akan dapat mengaitkan ilmu-ilmu yang ditekuni dengan akal budi Melayu dalam usaha membentuk sebuah generasi yang mempunyai jati diri kebangsaan.

Bacaan Asas

- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Sg. Ramal Dalam: monograf Akademi Kajian Ketamadunan.
- Mohd Kamal Mahdi & Mohd Syukri Abdullah. 2014. *Syair sidang fakir: Shaykh Hamzah Fansuri*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Mohammad Fadzeli Jaafar, Wan Nasyarudin Wan Abdullah & Salmah Ahmad. 2015. *Umdat Al-Muhtajin: Panduan perjalanan rohani masyarakat alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM
- Mulyadhi kartanegara. 2003. *Pengantar epistemologi Islam*. Bandung: Mizan.
- Nor Hashimah Jalaludin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

LMCR2162 Pengenalan kepada Alam dan Tamadun Melayu / *Introduction to Malay World and Civilization*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar konsep Alam Melayu dan bidang pengajiannya kepada pelajar. Pelajar akan didedahkan mengenai teori, konsep, hasil kajian yang berkaitan. Melalui kursus ini, pelajar berupaya memahami kompleksiti alam Melayu dari segi budaya, bahasa, sains sosial, sains tabii, falsafah dan sebagainya. Di samping itu, pelajar juga didedahkan dengan kepentingan mengenali alam Melayu dan isu-isu yang wujud di persekitaran mereka. Secara keseluruhannya, pendedahan mengenai kursus ini dilihat dari pelbagai perspektif dan melibatkan bidang yang multidisiplin. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran, pembelajaran berasaskan masalah dan Service Learning.

Bacaan Asas

- Abdul Latif Haji Samian & Nazri Muslim. 2016. *Teknologi di Alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Latif Haji Samian & Nazri Muslim. 2014. *Isu-Isu Sains dan Teknologi di Alam Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.

- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Asyaari Muhamad & Zuliskandar Ramli. 2012. Isu-isu pentarikan tapak warisan & artifak budaya alam Melayu. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Chong Shin. 2012. Bahasa Austronesia di Pulau Taiwan: Kumpulan esei tentang suku dan bahasa Formosa Dataran. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Zuliskandar Ramli. 2011. Zaman Proto Sejarah: Satu Pengenalan. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu,

Institut KITA

LMRE1102 Isu Kontemporari Hak Asasi Manusia / *Contemporary Issue and Human Rights*

Kursus ini bertajuk “ Isu-isu kontemporari Hak Asasi Manusia di Malaysia” akan memperkenalkan pelajar kepada kedua-dua standard hak asasi manusia global berdasarkan status Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (deklarasi & konvensyen) dan juga perlindungan hak asasi manusia mengikut Perlembagaan Persekutuan. Kursus ini juga mengandungi kajian secara kritis berkaitan isu semasa mengenai pelanggaran dan penyalahgunaan termasuklah apa yang sedang dilakukan bagi menangani hal ini menerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Pelajar juga akan memperoleh pendedahan dan interaksi dengan SUHAKAM dan semua organisasi masyarakat awam berkaitan yang bertanggungjawab terhadap hak-hak asasi manusia di Malaysia.

Bacaan Asas

- Basic Facts about the United Nations (2011), United Nations Department of Public Information:
New York
- Denison Jayasooria (Ed) (2013) PROHAM & Human Rights Concerns in Malaysia.
Kuala Lumpur: JJ Resources
- Denison Jayasooria (Ed) (2016) Human Rights Priorities for Malaysia 2016 and Beyond.
UKM Ethnic Studies Paper series no.47. March 2016.
- G. Shabbir Cheema & Vesselin Popovski (2010) Engaging Civil Society, Emerging trends in democratic governance. United Nations University Press: USA

Institut IKMAS

LMOO1182 Komuniti ASEAN / *ASEAN Community*

Kursus ini membincangkan peranan dan perkembangan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Turut dihuraikan ialah isu dan cabaran yang dihadapi ASEAN dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Untuk memberikan kefahaman

yang menyeluruh mengenai ASEAN, kursus ini dibahagikan kepada lima tema utama iaitu latarbelakang ASEAN, komuniti politik-keselamatan ASEAN, komuniti ekonomi ASEAN, komuniti sosio-budaya ASEAN dan ASEAN dalam konteks global.

Bacaan Asas

- Bertrand, Jacques. 2013. *Political Change in Southeast Asia*. Cambridge: Cambridge University Press
- Jetin, Bruno dan Mikic, Mia. (eds.) 2016. *ASEAN Economic Community: A Model for Asia-wide Regional Integration?* Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Reid, Anthony. 2015. *A History of Southeast Asia: Critical Crossroads*. Oxford: Wiley Blackwell.
- Roberts, Christopher. 2013. *ASEAN Regionalism: Cooperation, Values and Institutionalisation*. Oxon: Routledge.
- Yoong Yoong Lee. 2011. *ASEAN Matters: Reflecting on the Association of Southeast Asian Nations*. Singapore: NUS.

CITRA 2 - Bahasa, Komunikasi & Literasi

Pusat Citra Universiti

LMCK1331 Komunikasi Efektif / *Effective Communication*

Kursus ini bertujuan untuk membangun kemahiran penggunaan bahasa, kemahiran berkomunikasi dengan efektif dan kemahiran literasi untuk mengurus maklumat. Pelajar akan didedahkan dengan aktiviti berteraskan bahasa dan komunikasi selaras dengan perkembangan semasa. Kursus ini melengkapkan pelajar UKM menjadi individu yang berkebolehan dari aspek bahasa dan komunikasi di samping berdaya saing untuk menghadapi persekitaran profesional dalam menyampaikan idea dan pandangan yang kritis dan dinamik.

Bacaan Asas

- Thomson, N. (2011). *Effective communication: A guide for the people professions*. New York: Palgrave Mac Millan.
- Barker, A. (2013). *Creating success: Improve your communication skills*. Croydon, UK: Kogan Page Ltd.
- Orey, M & Prisk, J. (2014). *Communication skills training*. San Diego, California: Association for Talent Development (ATD).
- FitzPatrick, L & Klavs Valskov. (2014). *Internal Communications: A Manual for Practitioners*. Croydon, UK: CPI Group.
- McGowan, B & Bowman, A. (2014) *Pitch Perfect: How to say it right, the first time, everytime*. HarperCollins.

LMCP1212 Komuniti dan Literasi / *Community And Literacy*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar konsep kepelbagaian literasi serta kepentingan dan nilai literasi dalam pelbagai konteks dan komuniti dalam masyarakat Malaysia masa kini. Penekanan akan diberikan kepada komunikasi, kerja berpasukan dan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan/program komuniti seperti perpustakaan awam, kesihatan dan khidmat masyarakat. Kursus akan diadakan dalam bentuk kuliah interaktif, kerja lapangan dan pengalaman pembelajaran (*experiential learning*). Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar menerapkan pengetahuan dan mengaplikasikan kemahiran komunikasi dan pemikiran kritikal yang lebih positif dalam pelbagai konteks dan komuniti.

Bacaan Asas

- David Barton & Mary Hamiltin. 2012. *Local Literacies: Reading and Writing in One Community*. London: Routledge.
- Jeffrey T. Grabill. 2001. *Community Literacy Programs and the Politics of Change*. Albany: State University of New York Press.
- Jennifer Rowsell & Kate Pahl. 2015. *The Routledge Handbook of Literacy Studies*. London: Routledge.
- Mike Baynkam & Mastin Prinsloo. 2009. *The Future of Literacy Studies*. UK: Palgrave Macmillan.
- Tracy L. Coskie. 2012. *Community Literacy Practices: Supporting Youth Development After-School*. John Hopkins University. <http://education.jhu.edu/PD/newhorizons/strategies/topics/literacy/articles/community-literacy-practices/>

LMCR1202 Penulisan Pantun Kreatif / *Creative Poetry Writing*

Kursus ini bertujuan memupuk seni ilmu puisi Melayu tradisi seperti pantun yang semakin dilupakan penggunaannya dalam komunikasi tulisan mahupun lisan pada hari ini. Kursus ini juga berusaha untuk memupuk minat dan mempertingkatkan penguasaan kemahiran penulisan pantun melalui penerangan, perbincangan dan latihan penulisan yang terarah dan pelbagai. Penulisan pantun kreatif ini akan memberi peluang ke arah penciptaan karya penulisan kreatif yang segar dan berkualiti terutamanya untuk menyemarakkan seni bahasa komunikasi lisan dan tulisan yang lebih menarik dan bervariasi. Kursus ini berorientasikan aplikasi dan penilaian berterusan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran penulisan pantun kreatif yang terampil.

Bacaan Asas

- Ahmad Kamal Abdullah. 2011. *1000 Pantun Puitis*. Penerbit UPM Press. Selangor
- Ainon Mohd & Datin Asima Abdul Latiff. 2012. *Pantun untuk Majlis dan Acara Rasmi*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Selangor
- Rais Yatim. 2013. *Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya Melayu*. Dewan Bahasa Dan

- Pustaka. Kuala Lumpur.
Hassan Ahmad. 2015. Pantun Melayu I Bingkisan Permata. Penerbit Yayasan Karyawan.
Kuala Lumpur.
Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Zurinah Hassan. 2016 Wacana
Pantun Melayu. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

LMCR1212 Sastera Siber / *Cyber Arts*

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar tentang penulisan kreatif bermutu yang disiarkan secara maya. Penilaian kursus ini bersifat berterusan. Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan berkaitan sastera siber, etika penulisan secara siber, plagiat di dunia maya, membina dan memantapkan bakat sastera. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran di dewan kuliah, pembelajaran di luar dewan kuliah, latihan dan pembelajaran berasaskan masalah.

Bacaan Asas

- Azhar Hj. Wahid. 2011. Globalisasi Sastera Siber. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Halimah Mohamed Ali, Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2014. Sastera dalam Budaya dan Media. Minden: Penerbit USM.
Irwan Abu Bakar dan Hasimah Harun. 2008. Berkarya di Alam Siber. Kuala Lumpur: eSastera Enterprise.
Mawar Safei & Nisah Haji Haron (penyusun). 2011. Bagaimana Saya Menulis: Proses Penciptaan Cerpen. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Sohaimi Abdul Aziz. 2014. Dahsyatnya Kesusasteraan Memerihalkan Kehidupan. Minden: Penerbit USM.

LMCR1222 Sastera Alam Sekitar / *Environmental Arts*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan sastera alam sekitar kepada pelajar UKM. Kursus ini merangkumi dua bidang iaitu sastera dan alam sekitar, memerlukan pelajar memahami bidang sastera dan alam sekitar serta hubungan antara kedua-duanya. Kursus ini berorientasikan akademik, penilaian berterusan dan gerak kerja di lapangan. Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan dengan hubungan antara sastera dan alam sekitar, melahirkan kecintaan terhadap persekitaran yang terjaga dan memanfaatkan kekayaan sumber alam di dalam karya. Di akhir kursus, pelajar akan membentangkan kajian penyelidikan mereka dalam satu seminar.

Bacaan Asas

- Branch, Michael P & Slovic, Scott (ed.). 2003. The ISLE Reader. Athens: The University Of Georgia Press.

- Glotfelty, Cheryl & Fromm, Harold (ed.). 1996. *The Ecocriticism Reader*. Athens: The University of Georgia Press.
- Halimah Mohamed Ali & Mohamad Luthfi Abdul Rahman (ed.). 2013. *Sastera Dalam Budaya Dan Media*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Murtadha Muthahhari. 2008. *Manusia Dan Alam Semesta*. Jakarta; Penerbit Lentera.
- Shamsuddin Suhor. 2015. *Isu Dan Undang-Undang Alam Sekitar Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LMCR1232 Bahasa Kepemimpinan / *Leadership Voice*

Kursus ini bertujuan untuk memupuk ilmu tentang ciri-ciri penggunaan bahasa kepemimpinan yang mudah difahami dan yang tidak meyakinkan penerimaan maklumat yang ingin disampaikan. Kursus ini juga berusaha untuk mempertingkatkan penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa yang dapat mengengahkan kualiti penerampilan imej individu beserta mempertingkatkan kredibilitinya. Kursus ini berorientasikan akademik, aplikasi dan penilaian berterusan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran komunikasi berkepemimpinan. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan ilmu penggunaan bahasa yang membawa ciri ciri kepemimpinan yang berterapkan nilai kesantunan serta kewibaaan individu

Bacaan Asas

- Khalim Zainal et. Al. 2009. *Kepimpinan: Kreativiti, Pengurusan, Pendidikan Pusat Pengajian Umum, UKM*
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian 2012. *Wacana Teori dan Strategi Kepimpinan Melayu*. ATMA UKM
- Raja Roslan Bin Raja Abd. Rahman et.al. 2011. *Peranan Komunikasi Kepemimpinan Diri dan Organisasi Dalam Perspektif Islam*. <http://eprints.utm.my/10611/1/1.pdf> Zarina Othman 2012. *Bahasa dalam Wacana Ucapan Kepimpinan Alam Melayu*. Wacana Teori dan Strategi Kepimpinan Melayu. ATMA UKM.

LMCR1242 Penulisan dan Rekabentuk Dokumen dalam Bahasa Inggeris / *English Writing & Designing Better Documents*

Kursus ini bertujuan memberi pelajar pendedahan kepada prinsip penulisan dan rekabentuk dokumen yang baik dalam bahasa Inggeris. Pelajar akan didedahkan kepada aspek bahasa, rekabentuk dokumen, aspek pembaca dan isi yang perlu bagi menghasilkan dokumen yang baik dalam konteks tertentu. Kursus ini adalah bersifat 'hands-on' dan berorientasikan pembelajaran secara pengalaman melalui aktiviti dalam dan luar kelas serta projek berkumpulan.

Bacaan Asas

- Allington, D & Mayor, B. (eds). 2012. *Communicating in English: talk, text, technology*. Oxon: Routledge.
- Canavor, N. 2012. *Business writing in the digital age*. Thousand Oaks, Calif: SAGE.
- Carter, C. 2012. *Keys to Business Communication: Success in College, Careers. & Life*. NJ: Prentice Hall.
- Osmond, A. 2013. *Academic writing and grammar for students*. London: Sage.
- Terk, N. 2010. *Professional Writing Skills: A Write It Well Guide*. Oakland, CA: Write It Well.

LMCR1251 Puisi Berima / *Rhythmic Poetry*

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada seni penulisan puisi berima. Pelajar akan mempelajari tentang jenis-jenis puisi Melayu, sejarah ringkas puisi, pembentukan puisi, idea, perspektif dan ungkapan dalam puisi, gaya bahasa dan reaginasi (realiti + imaginasi) dalam puisi. Beberapa contoh puisi akan dipilih untuk dikupas dan dibicarakan. Di akhir semester, pelajar akan mempersembahkan puisi hasil penulisan masing-masing.

Bacaan Asas

- Dharmawijaya. 1987. *Berkenalan Dengan Puisi*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.
- Harun Mat Piah. 2004. *Puisi Melayu Tradisional: Nasihat dan Pengajaran*. Dewan Bahasa & Pustaka, K. Lumpur.
- Lim Swee Tin. 2006. *Dinamika Kreatif Penulisan Sajak*. Cerdik Publications, Shah Alam.
- Mohd. Rosli Saludin. 2007. *Puisi Melayu Tradisional*. Goal Intelligent Publishing, Pulau Pinang.

LMCR1252 Gaya Sebutan dalam Bahasa Inggeris / *Pronunciation in English*

Kursus ini bertujuan memberi pelajar pengetahuan dan latihan dalam gaya sebutan dalam Bahasa Inggeris. Pelajar akan didedahkan kepada aspek bunyi dan prosodi bagi membantu mereka memahami dan menggunakan sebutan yang betul apabila berkomunikasi secara lisan dalam bahasa tersebut. Kursus ini adalah bersifat interaktif dan berorientasikan pembelajaran secara pengalaman. Pelbagai aktiviti audio, latihan sebutan serta lakuan dalam dan luar kelas akan dijalankan.

Bacaan Asas

- Prentis, Nicola. 2014. *Speaking (B2+ Upper Intermediate) (Collins English for Life)*. Collins.
- Rogerson-Revell, P. 2011. *English Phonetics and Phonology: An Introduction*. West

Sussex: Wiley-Blackwell.

Tan Kim Hua. 2014. *Stress Success: A Guide to Pronunciation Principles*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terk, N. 2010. *Professional Writing Skills: A Write It Well Guide*. Oakland, CA: Write It Well.

Audio dan video atas talian: Thought Groups: <https://www.youtube.com/watch?v=dHZIA0-G1sc> Interactive IPA Chart: <https://www.youtube.com/watch?v=0HeujZ45OZE>

Speak English More Like a Native: Pronunciation Practice with Reductions: <https://www.youtube.com/watch?v=aIhctYQ5d2>

LMCR1272 *Komunikasi Lisan dalam Bahasa Melayu / Oral Communication In Malay Language*

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar supaya mahir berbahasa Melayu dan berkomunikasi secara berkesan bersesuaian dengan konteks penggunaannya. Penyampaian bahasa lisan yang baik dan bertanggungjawab dengan cara memberi penekanan kepada objektif hujah dan isi. Pelajar dilatih dalam pelbagai aktiviti lisan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi seperti komunikasi interpersonal, perbincangan secara berkumpulan dan pembentangan projek secara lisan. Pelajar juga akan dapat memahami aspek-aspek penting dalam menentukan keberkesanan komunikasi seperti kesantunan berbahasa, budaya berbahasa, ragam bahasa, bahasa badan dan halangan-halangan dalam komunikasi.

Bacaan Asas

Abdul Shukur Shari. 2003. *Bahasa Melayu Komunikasi*. Bentung. PTS Publications & Distributors.

Abd. Rahman Ab. Rashid, Yap Kim Faat. 1995. *Bahasa Melayu – Komunikasi Berkesan dan Pencapaian Umum*. Kuala Lumpur. Longman.

Abd. Rahman Ab. Rashid, Hajah Wan Som Mamat. 1995. *Bahasa Melayu dalam Komunikasi dan Proses Komunikasi*. Kuala Lumpur. Longman

Siti Rosnah Hj. Ahmad. 2001. *Bahasa Melayu: Introduction to Malay Language and Culture*. Kuala Lumpur. Golsen Books Centre Sdn. Bhd.

Sulaiman Masri. 1997. *Komunikasi Berkesan*. Shah Alam. Fajar Bakti.

LMCR1282 *Pembentangan Lisan Berimpak / Impactful Oral Presentation*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar asas persembahan lisan. Penekanan akan diberikan kepada tiga asas utama iaitu:

- a. Pengstrukturkan sesuatu persembahan lisan
- b. Pengayaan ‘verbal’ dalam persembahan
- c. Pengayaan ‘non-verbal’ dalam persembahan

Kursus diadakan dalam bentuk kuliah dan latihan. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar memberi sesuatu persembahan lisan.

Bacaan Asas

Barbara Pease & Allan Pease. 2006. *The Definitive Book of Body Language*. New York: Bantam Dell.

Brad Phillips. 2015. *101 Ways to Open a Speech: How to Hook Your Audience from the Start with an Engaging and Effective Beginning*. Washington DC: SpeakGood Press.

Garr Reynolds. 2011. *Presentation Zen: Simple Ideas on Presentation Design and Delivery* 3rd Edition. Berkeley: New Riders.

Kathryn Sue Young & Howard Paul Travis. 2012. *Oral Communication: Skills, Choices, and Consequences*. 3rd Edition. Long Grove: Waveland Press, Inc.

Stephen Lucas. 2014. *The Art of Public Speaking*. 12th Edition. Boston: McGraw-Hill.

LMCR1292 Bicara Tuntas / *Pitching*

Kursus ini membangunkan kemahiran komunikasi dan menggilap potensi pelajar untuk menyampaikan bicara tuntas secara menarik, mantap dan berkesan bagi keperluan pembentangan akademik dan kerjaya. Kursus ini adalah hasil kerjasama antara Pusat Citra Universiti dan UKM Bangi Toastmasters Club. Penekanan akan diberikan kepada penyampaian ucapan spontan, penyediaan kerangka ucapan bicara tuntas, penyampaian di khalayak ramai dan penilaian konstruktif oleh juri. Kursus akan diadakan dalam bentuk kuliah interaktif, simulasi dan pengalaman pembelajaran (*experiential learning*) dengan mengadaptasi kaedah Toastmasters International.

Bacaan Asas

Carnegie, D. 2011. *Stand and Deliver: How to Become a Masterful Communicator and Public Speaker*. USA: Nightingale-Conant Production.

Lucas, S. E. 2011. *The Art of Public Speaking*. 11th ed. USA: McGraw-Hill Education.

Miller, F. E. 2011. *No Sweat Public Speaking: How to develop, practice and deliver a knock your socks off presentation! with no sweat!* USA: Fred Co.

Slutsky, J. 1997. *The Toastmasters International Guide to Successful Speaking: Overcoming*

Your Fears, Winning Over Your Audience, Building Your Business & Career. Pennsylvania:

Dearborn Financial Pub Toastmasters International. 2014. *Competent Communication:*

A Practical Guide to Becoming Better Speaker. www.toastmasters.org

LMCR2202 Pembentangan untuk Mempengaruhi / *Presentation to Influence*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar teknik mempengaruhi audiens di dalam persembahan lisan. Penekanan akan diberikan kepada empat prinsip utama iaitu:

- Ethos, Pathos dan Logos
- Bercerita (Storytelling)
- Retorik (Rhetoric)
- Strategi Modified Toulmin Method

Kursus diadakan dalam bentuk kuliah dan latihan. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar memberi persembahan lisan yang mempengaruhi.

Bacaan Asas

Ben Decker & Kelly Decker. 2015. *Communicate to Influence: How to Inspire Your Audience to Action*. New York: McGraw-Hill Education.

Gary L. May. 2014. *Persuasive Business Presentations: Using the Problem-Solution Method to Influence Decision Makers to Take Action*. New York: Business Expert Press.

Dianna Booher. 2011. *Communicate with Confidence, Revised and Expanded Edition: How to Say It Right the First Time and Every Time*. New York: McGraw-Hill.

Bruce Hilliard. 2010. *Persuasion and Influence: The Science and Art of Effective Presentation*. Perth: Boffins Books.

Annette Simmons. 2007. *Whoever Tells the Best Story Wins: How to Use Your Own Stories to Communicate with Power and Impact*. New York: AMACOM.

LMCR2212 Bentuk-Bentuk Penulisan / *Forms of Writing*

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada beberapa bentuk penulisan. Pelajar didedahkan dengan penulisan kreatif, menulis email, dan pelbagai isu berkaitan penulisan. Kursus ini dijalankan secara kuliah, pengumpulan maklumat di lapangan, penghasilan tugas bertulis, dan pembentangan dalam seminar. Di akhir kursus, pelajar akan membentangkan kajian penyelidikan mereka dalam satu seminar.

Bacaan Asas

Fatimah Busu. 2003. *Memupuk Bakat Dan Minat Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Larson, R. 2012. *Ringkas dan menarik: aktiviti singkat penulisan kreatif yang menggalakkan imaginasi, jenaka dan minat dalam penulisan*. Kuala Lumpur: ITBM.

Luqman Haqami. 2002. *Mengatasi 25 Hambatan Menulis*. Bandung: Pustaka Ulumuddin.

Mana Sikana. 2015. *Penulisan Akademik Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mawar Safei & Nisah Haji Haron (penyusun). 2011. *Bagaimana Saya Menulis: Proses Penciptaan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LMCR2222 Hubungan Insan / *Human Relations*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar asas hubungan insan serta kepentingan mewujudkan hubungan insan yang berkesan dalam konteks masa kini. Penekanan akan diberikan kepada konsep sendiri, persepsi, personaliti, komunikasi, motivasi, kerja berpasukan dan menangani konflik dalam pelbagai konteks. Kursus akan diadakan dalam bentuk kuliah, seminar dan kerja lapangan. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar menerapkan pengetahuan dan mengaplikasikan hubungan insan yang lebih positif dalam kehidupan seharian.

Bacaan Asas

- Carver, C.S. Scheier, M.F. 2008. *Perspectives on Personality*. 6th Edition. Boston. Pearson Education, Inc.
- James M. Henslin. 2009. *Sociology: A Down To Earth Approach Core Concepts*. 3rd Edition. Boston. Pearson.
- James Fulcher & John Scott. 2011. *Sociology*. 4th Edition. New York. Oxford University Press.
- Khalim Zainal. 2014. *Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah.Bangi*. Penerbit UKM.
- Myers, D.G. 2009. *Exploring Social Psychology*. 5th Edition. New York. Published by McGraw-Hill.

LMCR2231 Penggunaan Penanda Wacana dalam Penulisan / *Discourse Markers In Writing*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar penggunaan penanda wacana dalam penulisan. Penulisan akademik mempunyai gaya penulisan tersendiri. Salah satu ciri kejayaan penulis akademik adalah penggunaan penanda wacana yang sesuai di dalam sesuatu penulisan. Penanda wacana adalah bahagian -bahagian bahasa yang menghubungkan satu bahagian wacana ke bahagian yang lain. Ia membantu pembaca melihat aliran dan hubungan antara ide dalam penulisan. Selain dari itu, ia juga membantu dalam pemahaman dan kepaduan sesebuah penulisan. Contoh penanda penulisan adalah, “to begin”, “first”, “in addition”, “similarly”, “to conclude”, dsb. Kursus diadakan dalam bentuk kuliah dan latihan. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar mengguna penanda wacana dalam penulisan akademik.

Bacaan Asas

- Miriam Urgelles-Coll. 2016. *The Syntax and Semantics of Discourse Markers*. London: Bloomsbury Academic.
- Chiara Ghezzi (Editor) and Piera Molinelli (Editor). 2014. *Discourse and Pragmatic Markers from Latin to the Romance Languages*. Oxford: Oxford University Press.
- Deborah Tannen, Heidi E. Hamilton and Deborah Schiffrin. 2015. *Discourse Markers: Language, Meaning, and Context*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc.
- Maggie Charles and Diane Pecorari. 2015. *Introducing English for Academic Purposes*.

London: Routledge.

Edward de Chazal. 2013. *Oxford Handbooks for Language Teachers: English for Academic Purposes*. Oxford: Oxford University Press.

LMCR2242 Kemahiran Menulis / *Writing Skills*

Kursus ini akan memperkenalkan para pelajar perkara asas yang perlu ada di dalam sesebuah penulisan. Kursus ini dijalankan secara kuliah, pengumpulan maklumat di lapangan, penghasilan tugas bertulis, jurnal refleksi dan pembentangan dalam seminar. Pelajar didedahkan dengan penulisan ilmiah dan penyuntingan, ciri-ciri penulisan yang baik, dan pencarian maklumat menggunakan google scholar. Di akhir kursus, pelajar akan membentangkan kajian penyelidikan mereka dalam satu seminar.

Bacaan Asas

Eggar, Philip. 1989. *Proses and Practice: A Guide to Basic Writing*. New York: Harper Collins Publisher.

The art of Magic and sleight of hand (2012) Nicholas Einhorn,Anness Publishing Ltd 2012.

The Big Magic for Little Hand (2014) Joshua Jay

LMCZ4442 Seni Silap Mata IV / *Art Of Magic IV*

Kursus ini memberi pengetahuan secara mendalam mengenai kaedah kejurulatihan dan peningkatan kemahiran mengenai Seni Silap Mata, peringkat-peringkat pengurusan acara termasuk penyediaan kertas kerja analisis projek dalam pengurusan majlis, pengurusan pentas, pengurusan teknikal dan setiap aspek yang berkaitan dengan Seni Silap Mata. Kursus ini menumpukan penguasaan dari aspek pemimpin dan kepimpinan, hubungkait pengurusan seni dan kepimpinan, arahan dan kuasa pengurus, ciri-ciri kepimpinan dan pengurusan persembahan dan pemasaran seni dan komunikasi dalam organisasi budaya. Kursus ini akhirnya dapat meningkatkan kefahaman tentang Seni Silap Mata amnya. Kursus ini akhirnya dapat melahirkan pelajar menjadi seorang pembimbing dan jurulatih di peringkat asas bagi memberi khidmat seni kepada masyarakat. Kursus ini dikendalikan secara teori dan Amali.

Bacaan Asas

Philip Cooper (1996), *Basic magic A Practical Guide*, Red Wheel/Weiser Book.

Michael Kett (2000), *Applied Magic*. Xlibries Coporation.

Mark Wilson (2003), *Mark Wilson's complete Course in Magic*, Running Press.

Frater UD (2004) *High Magic : Theory and Practise*, Lewellyn Publications St Paul, Minnesota U.S.A

Wayne N.Kawamoto (2008), *Picture Yourself as a Magician ; Step by step Instruction for the street, stage, parties, card table and more*, Stacy L.Hiquet.

The art of Magic and sleight of hand (2012) Nicholas Einhorn,Anness Publishing Ltd 2012.

The Big Magic for Little Hand (2014) Joshua Jay

Pusat Kesatria

LMCB1512 Pengenalan Senjata Kecil / *The Introduction Of Small Arms*

Kursus ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan tugas dan peranan pasukan keselamatan yang menggunakan senjata. Selain dari itu pelajar akan diberi panduan dan teknik yang betul mengendalikan senjata kecil dari aspek membuka, memasang, mencuci dan menembak ke sasaran dengan menggunakan senjata Colt M16 tersebut. Komponen kursus ini mengandungi elemen teori, praktikal dan juga latihan simulasi terhadap pengalaman sebenar sebagai salah satu praktis bagi melengkapkan diri sekiranya berlaku situasi tegang dan berbahaya.

Bacaan Asas

Eduardo Abril de Fontcuberta. 2013. 100+ Snipers Exercises. USA. Paladin Press. Gregory Mondillo & Michael A. Pugliese. 2010. AR-15 & M-16 Do Everything Manual. United States of America. Library of Congress Cataloging in Publication Data.
Joe Poyer. 2013. The M16/AR15 Rifle. The Shooter and Collector's Guide 4th Edition. California. North Cape Publication.
Robert A. Sadowski. 2013. The M16A1 Rifle. Operation and Preventive Maintenance. New York. Skyhorse Publishing.
Skenneron & Riling. 2010. AR-15 & M-16 5.56mm Handbook. United Kingdom. The Scarecrow Press, Inc.

LMCB1522 Melawan Kebakaran / *Fire Fighting*

Kursus ini memberi penekanan kepada asas, teknik atau kaedah melawan dan mencegah kebakaran serta peralatan-peralatan yang akan digunakan. Pengajaran dan pembelajaran mengandungi elemen teori, praktikal dan juga latihan simulasi terhadap pengalaman sebenar sebagai salah satu praktis bagi mempersiapkan diri sekiranya berlaku kebakaran. Di akhir kursus, pelajar dapat bertindak dan menangani situasi dengan betul semasa berlaku kebakaran.

Bacaan Asas

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, 2013, Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.
Parlimen Malaysia, 2015, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara.
Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Kadet Pertahanan Awam Malaysia, 2008, Nota Melawan Kebakaran Peringkat Asas Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Ibu Pejabat Pertahanan Awam, Kuala Lumpur
Jelani Abdullah, 2001, Fire in Tall Buildings - Occupants' Safety and Owners' Liability, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
Jabatan Pertahanan Awam, 2015, Buku Siri 3: Bencana dan Tragedi, Cawangan

Perhubungan Awam dan Dokumentasi, Ibu Pejabat Pertahanan Awam, Kuala Lumpur.

Jabatan Pertahanan Awam, 2015, Buku Siri 2: Kemalangan dan Kecemasan, Cawangan Perhubungan Awam dan Dokumentasi, Ibu Pejabat Pertahanan Awam, Kuala Lumpur.

Jabatan Pertahanan Awam, 2015, Buku Siri 1: Kecemasan Ancaman Manusia, Cawangan Perhubungan Awam dan Dokumentasi, Ibu Pejabat Pertahanan Awam, Kuala Lumpur.

LMCB3512 SUKSIS 1 (Pengenalan Kepada Kawad dan Senjata) / *SUKSIS 1 (Introduction to Marching and Weapons)*

Kursus ini merupakan kursus asas dalam Kor Suksis. Fokus kursus adalah berkenaan tatacara melakukan pergerakan asas dalam kawad secara berpasukan, kemahiran mengenalpasti senjata dan menggunakan senjata. Peserta juga akan di bawa untuk latihan menembak di lapang sasaran yang ditetapkan.

Bacaan Asas

Silibus kursus asas KOR SUKSIS IPTA 1

Silibus latihan KOR SUKSIS UKM Bangi. Selangor

Kolej Keris Mas

LMCR1522 Agropreneur Dalam Komuniti / *Agropreneur in the Community*

Kursus ini akan memperkenalkan kepada para pelajar konsep keusahawanan dalam pertanian. Pelajar juga akan mengaplikasi teknologi pertanian terkini yang digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian. Dalam kursus ini, penekanan akan diberikan kepada konsep dan prinsip keusahawanan melalui penggunaan teknologi pertanian yang diamalkan di Malaysia. Teknologi pertanian fertigasi dan hidroponik merupakan platform yang akan digunakan. Pelajar berpeluang untuk merancang dan melaksanakan teknologi pertanian yang berasaskan fertigasi dan hidroponik ini. Pelajar juga akan memahami fungsi sains dan teknologi serta impak kepada pertanian di peringkat global.

Bacaan Asas

Choi, H. A typology of agro-innovation adoptions: the case of organic farming in Korea (2016) *Regional Environmental Change*, 16 (6), pp. 1847-1857.

Hukampal, S.S., Bhowmick, B. Innovation Network for Entrepreneurship Development in Rural Indian Context: Exploratory Factor Analysis (2016) *International Journal of Innovation and Technology Management*, 13 (4), art. no. 1650016.

Larsson, M., Milestad, R., Hahn, T., von Oelreich, J. The resilience of a sustainability

entrepreneur in the Swedish food system (2016) Sustainability (Switzerland), 8 (6), art. no. 550.

Tengku Intan Suzila, T.S., Mohdyusri, M.N., Nor Hidayatun, A.B., Faizan, A.J., Norlaili, H. Self-perception: The Jah-Hut as future agro-preneur (2014) Recent Trends in Social and Behaviour Sciences - Proceedings of the 2nd International Congress on Interdisciplinary Behavior and Social Sciences 2013, ICIBSoS 2013, pp. 519-522.

LMCR532 Teknologi Hijau dan Kemampanan Lestari / *Green Technology and Environmental Sustainability*

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pendekatan yang sedia ada dengan menggabungkan pertimbangan alam sekitar ke dalam perancangan perniagaan. Pendekatan ini juga melibatkan penyusunan, kepimpinan, pengawalan, pengurusan strategik dan penambahbaikan dalam organisasi. Tumpuan khusus diberikan untuk mengenal pasti dan menguruskan keseimbangan antara persekitaran dan matlamat perniagaan. Kursus ini juga meneroka prinsip saintifik dan teknikal utama yang mendasari teknologi alam sekitar dan amalan kontemporari. Kursus ini akan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai isu-isu pembangunan dan alam sekitar. Pelajar juga akan memahami fungsi sains dan teknologi serta tanggungjawab pelbagai kuasa di peringkat global.

Bacaan Asas

Cyberjaya-tv. 2010. Kemampanan alam sekitar terus menjadi RMK10. <http://cyberjaya-tv.com/v4/kemampanan-alam-sekitar-terus-menjadi-rmk10> [17 Ogos].

Kristin, K. 2011. Green Technologies: Concepts, Methodologies, Tools and Applications New York: IGI Global.

Weaver, P. 2000. Sustainable technology development. Netherlands: Greenleaf.

Innovacia Sdn Bhd. 2015. Teknologi Hijau (2015). Berita Harian, 23 Oktober 2015

Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. 2016. Teknologi Hijau. <http://pmpenerangan.gov.my/index.php/alam-sekitar/4185-teknologi-hijau.html> [17 Ogos 2016].

Fakulti Perubatan

LMFF1511 Siasatan Jenayah Melalui Kaedah Saintifik

Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan sains forensik dalam menyelesaikan kes siasatan jenayah. Pada tempat kejadian jenayah biasanya akan terdapat item kecil yang memberi bukti fizikal seperti rambut, cecair tubuh (darah atau air mani), fiber dari pakaian atau permaidani, atau serpihan kaca yang boleh memberi gambaran apa yang telah berlaku. Ini adalah “trace evidence” Teknik molekul biologi akan digunakan untuk menganalisis DNA mangsa dan penceroboh yang disyaki. Kursus ini juga mengajar

pelajar bagaimana semangat kerja berpasukan (saintis, polis, saksi) dapat menyelesaikan kes jenayah untuk menghukum yang bersalah dan membela yang benar, amalan murni masyarakat yang aman damai. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, pembelajaran berasaskan masalah, dan amali.

Bacaan Asas

FORENSIC DNA ANALYSIS: TECHNOLOGY AND APPLICATION <http://www.lopparl.gc.ca/content/lop/researchpublications/bp443-e.htm>

USING DNA IN CRIMINAL INVESTIGATIONS AND CASES <http://criminal.lawyers.com/criminal-law-basics/use-of-dna-in-criminal-investigations.html>

SOLVING COLD CASES WITH DNA: THE BOSTON STRANGLER CASE <http://www.nij.gov/journals/273/pages/boston-strangler.aspx> (9) Hasil Pembelajaran Kursus:

LMFF1522 Pendekatan Satu Kesihatan dan Penyakit Zoonosis

Kursus ini bertujuan bagi membangunkan kebolehan diri pelajar mengaplikasikan One Health Approach semasa pengendalian kes-kes zoonosis. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan teori di dalam kelas yang memberi tumpuan kepada empat elemen utama yang berinteraksi iaitu manusia, persekitaran, haiwan dan agen; tujuh kompetensi teras dan mengaplikasi teras tersebut dalam kajian kes yang dipilih. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran, pembelajaran berasaskan kes senario, lawatan ke pusat penyembelihan lembu, dan makmal (i.e. makmal kesihatan awam dan makmal veterinar).

Bacaan Asas

CDC. 2013. One Health. <http://www.cdc.gov/onehealth/> [8 April 2016]

One Health Initiative will unite human and veterinary medicine. <http://www.onehealthinitiative.com/> [8 April 2016]

SEAOHUN One Health. <http://seahunonehealth.wordpress.com> [8 April 2016]

World Organisation for Animal Health. <http://www.oie.int> [8 April 2016]

WHO. 2017. Zoonoses: Zoonoses and the Human-Animal-Ecosystems Interface. <http://www.who.int/zoonoses/en/> [16 January 2017]

Fakulti Sains & Teknologi

LMCP1562 Matematik dan Masyarakat / *Matheatics and Society*

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada umum tentang dunia matematik dari segi sejarah, penggunaan dan pembangunannya. Kursus ini akan turut menerangkan cara pemikiran dan pendekatan yang diambil oleh ilmuan matematik untuk menangani

sesuatu masalah. Khususnya kursus ini akan cuba menjawab persoalan seperti ‘Apa itu Matematik?’, ‘Di manakah adanya matematik?’, ‘Apakah peranan matematik?’ dan pelbagai lagi persoalan yang berkaitan. Setelah mengikuti kursus ini para pelajar diharapkan dapat lebih menghayati peranan matematik dan sekaligus membetulkan tanggapan umum tentang matematik sebagai ilmu ‘kira – mengira’ sahaja.

Bacaan Asas

- J. Davis, R. Hersh & E. Marchisotto. 2011. *The Mathematical Experience (Study Edition)*. New York, USA: Birkhauser.
- R. Eastaway & J. Wyndham. 1998. *Why do buses come in threes? The hidden mathematics of everyday life*. London: John Wiley.
- J. Haigh. 2016. *Mathematics in Everyday Life*. Berlin: Springer
- J. Mazur. 2016. *Fluke: The Math and Myth of Coincidence*. London: Basic Books. M.S.M.
- Noorani et al. 2010. *Exposing the Fun Side Of Mathematics via Mathematics Camp*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol 8. pg 338 – 343.

Fakulti Pengajian Islam

PPPG2962 Pengantar Astrofiqh dan Kosmofiqh /

Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada para pelajar berkaitan falsafah, konsep dan teori penciptaan alam semesta menurut Islam (kosmofiqh). Kursus ini juga melatih para pelajar kemahiran aplikasi astrofiqh & kosmofiqh sehingga mampu melaksanakannya dalam kehidupan dan masyarakat. Di samping itu juga, kursus ini memberi pendedahan berkaitan aspek-aspek matematik, sains dan teknologi untuk menyelesaikan isu-isu astrofiqh & kosmofiqh yang sentiasa dinamik. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk teori, praktikal di lapangan, lawatan ke balai cerap dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkaitan dan pemyarakatan kursus bersama pihak sekolah dan orang awam.

Bacaan Asas

- Kazlow, S. 2015. *Astronomy: Understanding Celestial Bodies*. New York: Britannica Educational Publishing.
- al-Ansari, Ahmad Muhammad. 2014. *Taqwim al-Kawakib*. Kuwait: Maktabat Dar al-‘Urubah li al-Nasyri wa al-Tawzi‘.
- Morison, I. 2013. *Introduction to Astronomy and Cosmology*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- King, D.A. 2012. *Islamic Astronomy and Geography*. Burlington: Ashgate Variorum.
- al-Na‘imi, Hamid & Jarad, Majid. 2011. *al-Hisabat wa al-Tatbiqat al-Falakiyah al-‘Alamiyyah fi Khidmat al-Syari‘ah al-Islamiyyah*. U.A.E: al-Afaq al-Masyriqah Nasyirun.

PPPM1712 Media Islam Dan Teknologi

Kursus ini menghuraikan konsep media Islam melalui teknologi. Fokus perbincangan mengenai asas kemahiran teknologi media Islam dalam membentuk konsep hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia. Huraian tentang 'Islamic Media Content' juga dititikberatkan bagi menyediakan bidang media Islam yang lebih baik. Malah melalui aplikasi teknologi, para pelajar didedahkan tentang penghasilan filem pendek Islam bagi menyiapkan mereka sebagai tekno da'ie dalam media. Selain itu, kursus ini turut membincangkan perkongsian nilai masyarakat dan persekitaran melalui aplikasi 'The medium is the message' sebagai medium dakwah.

Bacaan Asas

- Rosmawati Mohamad Rasit, Salasia Hanin Hamjah & Muhamad Faisal Ashaari. (pnyt.). 2014. *Dakwah, Media & Masyarakat*. Bangi: JPDK.
- Shuriye, Abdi O., Adeyemi, Bello K. & Huud, Shittu. 2013. Impacts of new media technology on Muslim-Western relation. *Journal of Asian Scientific Research*, 3 (12): 1210-1219.
- Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle. (pnyt.). 2012. *Representasi Islam dalam Media*. Nilai: USIM.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2012. *Perhubungan Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Ramesh Nair, Muhammed Shahriar Haque & Mahmud Hasan Khan. 2008. *Constructing Identities in the Malaysia Media*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

LMTT1023 Pengaturcaraan untuk Sains Sosial / *Programming for Social Sciences*

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar daripada bidang Sains Sosial kepada asas pengaturcaraan menggunakan Bahasa Pengaturcaraan Visual Basic. Sebahagian besar kursus meliputi elemen penting dalam bahagian berstruktur bahasa berkenaan. Kursus ini meliputi tajuk asas pengaturcaraan, input dan output, struktur kawalan, fungsi takrifan pengguna, tatasusunan dan pangkalan data. Pelaksanaan pembelajaran adalah berasaskan kepada masalah bagi menunjukkan kepada pelajar kaitan elemen pengaturcaraan dalam menyelesaikan masalah bidang Sains Sosial.

Bacaan Asas

- Bryan Newsome. 2016. *Beginning Visual Basic® 2015 1st Edition*, John Wiley & Sons Inc. Indianapolis.
- Mohd Juzaidin Ab Aziz, Bahari Idrus dan Zaharudin Ibrahim. 2002. *Pengaturcaraan Visual Basic 6.0*, Prentice Hall.
- Schneider, D.J. 1999. *An Introduction to Programming Visual Basic 6.0*. 4th Edition, Prentice Hall.
- McKeown, P.G. Piercy C.A. 2002, *Learning To Program with Visual Basic*. 2nd Edition,

John Wiley.

LMTT1033 Pengaturcaraan untuk Sains dan Teknologi / *Programming for Science and Technology*

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar daripada bidang Sains dan Teknologi yang mempunyai asas pengaturcaraan kepada Bahasa Pengaturcaraan C++. Kursus ini adalah berkenaan penggunaan struktur data seperti timbunan, giliran, senarai, graf dan pokok dedua dalam menyelesaikan masalah. Penggunaan beberapa algoritma am (seperti gabungan, carian dan min-max) juga dibincang oleh kursus ini. Sejumlah masalah popular digunakan dalam kursus ini.

Bacaan Asas

D. S. Malik. 2012. "C++ Programming: Program Design Including Data Structures". 6th ed. Thomson Course Technology. ISBN-13: 9781133526346.

Penton, R. 2003. Data Structure for Game Programmers. Premier Press: (eBook).

Weiss, M. A. 2003. Data Structures and Problem Solving Using C++. 2nd Ed. Pearson Addison Wesley. (eBook)

LMTT2553 Pembangunan Aplikasi Web / *Web Application Development*

Kursus ini bertujuan untuk memberi kemahiran asas pengaturcaraan web kepada pelajar. Kursus ini memperkenalkan konsep dan teknik mereka bentuk dan membangun aplikasi web; Pelajar akan menggunakan alat-alat (tools) yang boleh digunakan untuk mengorganisasi, mencapai, menyimpan dan menyebarkan maklumat dalam web. Perisian yang akan digunakan adalah Dreamweaver, untuk membina fail HTML5 yang dinamik; dan CSS3 dan JavaScript untuk membina interaktiviti dalam laman web. Teknologi pelayan-pelanggan melalui laman web dinamik akan diperkenalkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan Hypertext PreProcessor (PHP) dan pangkalan data MySQL. Aspek lain yang akan ditekankan ialah isu asas dalam rekabentuk aplikasi web interaktif; prinsip dalam rekabentuk; rekabentuk dokumen dan penyelitan grafik; penyusunan teks; pemilihan antaramuka dan hubungan dengan dokumen lain. Pada akhir kursus pelajar akan mengimplimentasi teknik dan pengetahuan yang dipelajari dalam projek mini yang akan dibangunkan.

Bacaan Asas

Nixon, R. 2014. Learning PHP, MySQL & JavaScript, 4th Edition With jQuery, CSS & HTML5 UK, O'Reilly Media.

Dietal, P, Dietal, H & Deitel, A, 2012. Internet & World Wide Web: How To Program. 5th Ed. England, Pearson Education.

Dietal, H.M, Dietal, P.J & Nieto, T.R 2009. Internet & World Wide Web: How To Program.

5th Ed. New Jersey, Prentice Hall.

Carey, P. 2006. HTML, XHTML and Dynamic HTML. 3rd Edition. Boston, MA, United States, Thomson.

Othman, M.S, Yusof L.M, Miskon, S and Syed Abdullah, S.N.H. 2006. Pengaturcaraan Web Hypertext Preprocessor PHP. Johor Baru. Penerbit UTM.

LMCR2523 Pengaturcaraan Permainan dan Budaya Malaysia / *Game Programming and the Malaysian Culture*

Kursus ini memperkenalkan pengaturcaraan permainan mengguna artifak budaya Malaysia. Kursus ini meliputi topik seperti Sejarah permainan dan bermain sebagai aktiviti sosio-budaya; Permainan dalam budaya dan warisan Malaysia; Pembangunan aset permainan: pemodelan dan animasi; Reka bentuk dan pembangunan permainan: reka bentuk antara muka dan input; integrasi aset; pengaturcaraan permainan dan Penerbitan permainan: pengujian dan pendedaran. Kursus ini memandu pelajar membangunkan permainan komputer mereka sendiri melalui pembelajaran mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran silang disiplin.

Bacaan Asas

Macklin, C. & Sharp, J. 2016. Games, Design and Play: A detailed approach to iterative game design. Boston: Addison-Wesley Professional (Pearson Education Inc.).

Hocking, J. 2015. Unity in Action: Multiplatform Game Development in C# with Unity 5, 1st ed., Shelter Island, New York: Manning Publications.

Tickoo, S. 2015. Autodesk 3ds Max 2016 for Beginners: A Tutorial Approach, 16th Ed., Schererville, Indiana: CAD/CIM Technologies.

NovaK, J. 2012. Game Development Essentials: An Introduction, 3rd Edition. NY: Delmar Cengage. Scott Rogers. 2010. Level Up! The Guide to Great Video Game Design. West Sussex: John Wiley & Sons.

Institut Islam Hadhari

LMRH1502 Sains, Masyarakat dan Agama / *Science, Society and Religions*

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada hubungan antara agama dan sains dalam pengalaman Barat memang tidak pernah aman, meskipun vakuum agama sudah mula dirasai oleh komuniti sains mereka dewasa ini. Mereka akan didedahkan kepada sebaliknya juga dalam Tamadun Islam, iaitu ketika belahan Barat masih lena lagi, hubungan antara agama dan sains berlangsung dengan suasana yang cukup harmonis dan murni sekali. Tidak pernah ada peristiwa dimana ilmuan Islam yang dibakar hidup-hidup seperti Giordano Bruno atau dipenjarakan seperti Galileo Galilei. Dengan cara ini, mereka dijangka dapat memahami konsep kesepaduan sains dan agama dan peranannya dalam

kesejahteraan manusia sejagat. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk forum dan pembelajaran berasaskan masalah.

Bacaan Asas

Abdullah Yusof Ali, 1978. *The Holy Qur'an; Text Translation and Commentary*, The Islamic Foundation, Leicester, U. Kingdom.

Abdussalam M, 1992. Foreword dalam buku *Islam and Science* oleh Pervez Hoodbhoy, S. Abdul Majeed & Co. Kuala Lumpur. Hlm ix-xii.

Adler M.J., 1976. *Great Ideas from The Great Books*. N. York. Washington Square Press. Capra F., Steindl-Rast D. and Matus T., 1992. *Belonging to the Universe: New Think-ing*

About God and Nature, Penguin Books, UK.

Crump T., 2002. *A Brief History of Science: As Seen Through The Development of Scientific Instrument*. London, Robinson

Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)

Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)

LMRB1502 Bioteknologi Herba Dalam Kehidupan / *Herbs Biotechnology in Life*

Era bioteknologi telah membawa perkembangan dan kemajuan yang pesat dalam pelbagai bidang industri di Malaysia dan seluruh dunia, perkembangan ini termasuk pembangunan produk-produk kesihatan yang berasaskan herba. Perkembangan bioteknologi yang eksponen yang mana orang ramai bertanggapan ilmu dalam bidang bioteknologi adalah kompleks dan sukar difahami, menyebabkan banyak isu-isu kontroversi mengenai hasil produk bioteknologi. Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada teknik-teknik asas bioteknologi, dan aplikasi serta faedahnya dalam pembangunan produk-produk herba. Penerimaan masyarakat, isu etika dan pengawalan produk-produk herba akan turut dibincangkan. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman.

Bacaan Asas

Bowen, I., et al. (2012). *Adverse effects of herbal drugs 2*, Springer Science & Business Media.

Braun, L. and M. Cohen (2015). *Herbs and Natural Supplements, Volume An Evidence-Based Guide*, Elsevier Health Sciences.

Cseke, L. J., et al. (2016). *Natural products from plants*, CRC press.

Lust, J. (2014). *The Herb Book: The Most Complete Catalog of Herbs Ever Published*, Courier Corporation.

Pizzorno, J. E. and M. T. Murray (2013). *Textbook of natural medicine*, Elsevier Health Sciences.

LMRB1512 Isu dan Kegunaan Organisma Diubahsuai Genetik / *Issues and*

Applications of Genetically Modified Organisms

Bioteknologi telah memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat. Teknologi kejuruteraan genetik merupakan sebagai salah satu pemangkin dalam pembangunan bioteknologi moden. Namun, terdapat stigma daripada masyarakat umum mengenai faedah dan kesan pengenalan teknologi ini terutamanya mengenai organisma terubah usai genetik (GMO). Kini, banyak penemuan baru telah diperoleh melalui bioteknologi terutamanya untuk peningkatan kesihatan dan kelestarian. Oleh itu, kursus ini bertujuan untuk menyampaikan konsep, peranan dan kepentingan bioteknologi kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Penekanan akan diberikan mengenai kegunaan GMO dalam meningkatkan mutu kehidupan manusia dan isu-isu berkaitan GMO akan dibincangkan mengikut perspektif sosial, ekonomi dan akademik. Topik khas seperti etika dan peraturan biokeselamatan berkenaan kejuruteraan genetik dan GMO akan juga dibincangkan dalam kursus ini. Pelajar juga ditekankan untuk mencari dan memberi idea mengenai penggunaan bioteknologi dalam menangani isu-isu tempatan atau global berasaskan pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman.

Bacaan Asas

- D. S.T. Nicholl, *An Introduction to Genetic Engineering*. Cambridge University Press; 3 editions, 2008, ISBN13: 978-0521808675.
- N. Federoff and N. M. Brown, *Mendel in the Kitchen: A Scientist's View of Genetically Modified Foods*. Oxford, UK: Joseph Henry Press, 2004, ISBN 0-309-09205-1.
- P. C. Ronald and R. W. Adamchak, *Tomorrow's Table: Organic Farming, Genetics, and the Future of Food*. Oxford University Press, 2008, ISBN13: 9780195301755
- P. Piguet and P. Poindron, *Genetically Modified Organisms and Genetic Engineering in Research and Therapy*. BioValley Monographs, 2012, ISBN: 978-3-8055-9065-5
- T. Traavik and L. L. Ching, *Biosafety First Holistic Approaches to Risk and Uncertainty in Genetic Engineering and Genetically Modified Organisms*. Fagbokforlaget, 2007, ISBN-13: 978-8251921138

Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN)

LMRR1502 *Teknologi Fotonik Untuk Kesejahteraan Masyarakat / Photonics Technology for Societal Wellbeing*

Fotonik berkaitan dengan interaksi cahaya dengan jirim pada mikro dan / atau nano skala. Interaksi mikron-skala umumnya terlibat dalam komunikasi optik dan aplikasi sensing. Sebaliknya, interaksi nanoscaled adalah lebih berguna dalam merealisasikan sensor dan penyerap tenaga. Kursus ini diapungkan yang dimaksudkan untuk pelajar baru yang tidak mempunyai latar belakang penting dalam subjek. Ia tawaran pertama dengan asas-asas yang fotonik di mana faedah yang boleh dihasilkan dalam pemula. Selepas suatu jenis

penghantaran konsep, tema dan prinsip sedikit tahap yang lebih maju akan disentuh. Pada dasarnya mereka akan lebih cenderung ke arah aplikasi prinsip di kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas aplikasi. Ini akan menjadikan pemula untuk memahami kepentingan subjek dalam banyak bidang serba boleh. Ia dijangka bahawa, selepas selesai kursus ini, penonton akan dapat memahami kepentingan fotonik dalam senario teknologi hari ini.

Bacaan Asas

- B.N. Basu. 2015. *Engineering Electromagnetics Essential*, Orient Blackswan.
- David L. Andrews. 2015. *Photonics, Volume 1, Fundamentals of Photonics and Physics*, Wiley.
- David L. Andrews. 2015. *Photonics, Volume 2, Nanophotonic Structures and Materials*, Wiley.
- Joseph W. Haus. 2016. *Fundamentals and Applications of Nanophotonics*, Elsevier
- M. Ohtsu. 2013. *Handbook of Nano-Optics and Nanophotonics*, Springer.
- Ki Young Kim. 2012. *Plasmonics – Principles and Applications*, InTech Open.

LMRR1512 Cahaya Dalam Kehidupan / *Lights in Life*

Cahaya dari sumber asli atau buatan memainkan peranan yang penting dalam penghidupan seharian. Kemajuan sains dan teknologi berasaskan cahaya telah menggalakkan pertumbuhan dan menyediakan penyelesaian cabaran global mengenai tenaga, pertanian, kesihatan dan komunikasi. Tenaga cahaya yang berasal dari sinaran cahaya matahari dapat dirubah kepada tenaga haba dan elektrik sebagai sumber tenaga yang bersih. Penggunaan tenaga suria dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan kos mengawal perubahan iklim. Dalam pertanian dan hortikultur, rumah-hijau diguna untuk merubah cahaya suria kepada haba bagi menanam bijian yang tidak lasak dengan iklim asal kawasan tertentu. Dalam abad ke-21 ini, fotonik yang merupakan bidang ilmu sains cahaya moden telah bekembang dengan pesat meliputi sektor komunikasi, perubatan, keselamatan, pengcahayaan, dan hiburan. Objektif kursus ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada teknologi dan fenomenon optic, pemakaian dalam penghidupan seharian, impak teknologi ini terhadap masyarakat termasuk pendidikan, kebudayaan, pengurusan alam sekitar dan pengawalan perubahan iklim. Pelajar akan meneroka kaedah untuk berkomunikasi secara berkesan dengan orang awam tentang sains, terutamanya optik. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman.

Bacaan Asas

- William L. Wolfe. 2007. *Optics Made Clear: The nature of light and how we use it*. Bellingham Washington: SPIE Press.
- Gary Waldman. 2002. *Introduction to Light: The Physics of Light, Vision, and Color*. New York: Dover Publication, Inc.
- Megan Watzke, Kimberly Arcand. 2015. *Light: The Visible Spectrum and Beyond*. New

York: Black Dog & Leventhal.

Spiros Kitsinelis and Spyridon Kitsinelis. 2015. *Light Sources, Second Edition: Basics of Lighting Technologies and Applications*. Boca Raton: CRC Press.

Thomas Rossing and Christopher J. Chiaverina. 2011. *Light Science: Physics and the Visual Arts*. New York: Springer-Verlag, Inc.

Miller-Schroeder, Patricia 2000. *The Science and Light of Color*. Milwaukee, WI: Gareth Stevens Publishing.

Institut LESTARI

LMJS1502 Geopark Global - Model Pembangunan Lestari Wilayah / *Geopark Global – Regional Sustainable Development Model*

Gagasan Pembangunan Geopark Global telah diperkenalkan oleh UNESCO pada tahun 2004 sebagai satu model pelaksanaan Pembangunan Lestari Wilayah. Secara umum, geopark ialah sebuah wilayah yang memiliki tapak dan landskap geologi bernilai antarabangsa dan diurus secara holistik dengan mengambilkira kepentingan pemuliharaan, pendidikan dan pembangunan lestari. Pada masa ini, sebanyak 120 wilayah di 33 negara telah memiliki Geopark Global UNESCO. Langkawi menjadi Geopark Global pada tahun 2007, pertama di Malaysia dan Asia Tenggara. Objektif kursus ini adalah untuk memperkenalkan kepada pelajar mengenai konsep, komponen penting pembangunan geopark, pemuliharaan bersepadu warisan tabii dan budaya, pembangunan komuniti, pendidikan dan geopelancongan dalam geopark. Pelajar juga akan didedahkan kepada isu-isu semasa pemuliharaan warisan bersepadu dalam pembangunan geopark. Pengajaran dan pembelajaran akan dilakukan berdasarkan Pembelajaran Secara Permasalahan dan Pengalaman.

Bacaan Asas

Halimatun Saadiah Hashim & Rahimah Abdul Aziz. 2014. *Langkawi Geopark: Mengimbangi Pembangunan dan Pemuliharaan Warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 244

Ibrahim Komoo & Patzak, M. 2008. *Global Geopark Network: An integrated Approach for Heritage Conservation and Sustainable use*. In. Mohd Shafeea Leman, Reedman, A., Chen Shick Pei. *Geoheritage of East and Southeast Asia*. Ampang Press Sdn. Bhd. 1-13

Mohd Shafeea Leman, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ibrahim Komoo & Norhayati Ahmad. 2010. *Langkawi Geopark*: Ampang Press Sdn. Bhd. 109

UNESCO 2016. UNESCO Global Geopark atas talian <http://unesdoc.unesco.org/images/0024/002436/243650e.pdf>

UN 2016. Sustainable Development Goals atas talian <http://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>

LMCP1592 Pembangunan dan Alam Sekitar / *Development and Environment*

Kursus ini bertujuan mengupas aspek kelestarian ekonomi dalam kerangka pembangunan lestari. Ia memberikan tumpuan kepada aspek hubungkait pembangunan ekonomi dan alam sekitar serta sumber asli, mengkaji ketidaklestarian dan degradasi alam sekitar akibat aktiviti pembangunan, dan mengambil kira faktor alam sekitar dan kelestarian ekonomi dalam perancangan dan pembangunan ekonomi. Kursus ini berkisar pada konsep, teori serta pendekatan pembangunan dan kelestarian.

Bacaan Asas

- Chamhuri Siwar, Rospidah Ghazali & Sharina Abdul Halim (eds.) 2014. *Pembangunan Lestari di Malaysia: Harapan dan Kenyataan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Samad Hadi, Adnan Hezri, A. Aldrie Amir, Sarah Aziz (editors) *Facets of Sustainability*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 2013.
- Adnan A. Hezri. *The Sustainability Shift: Refashioning Malaysia's Future*. Areca Books & ISIS Malaysia. Penang, Malaysia. 2016.
- Tom Tietenberg & Lynne Lewis. *Environmental and Natural Resource Economics*. Pearson International Edition. Boston, USA. 2009.

LMCP1522 Penjelajahan Ekosistem Alam Sekitar / *Environmental Ecosystem Exploration*

Kursus ini memperkenalkan konsep Penjelajahan Ekosistem melalui platform ekorelawan atau sukarelawan alam sekitar. Aspek kesukarelawanan dalam kalangan belia menjadi perhatian utama kerajaan melalui pelancaran iM4U oleh Perdana Menteri. Ini telah menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan menjadi fokus utama kerajaan dalam memberikan sumbangan dan impak yang berkesan kepada masyarakat. Melalui iM4U golongan belia diberikan keutamaan untuk merealisasikan impian mereka untuk mengubah kehidupan masyarakat kepada kehidupan yang lebih baik disamping memberikan keyakinan dan menyokong kebolehan mereka untuk merencanakan program transformasi Negara untuk menuju kepada matlamat Negara berpendapatan tinggi.

Bacaan Asas

- Anizan Isahak & Habibah Jamil, 2015, *Ecosystem Discovery Journey Module Series – Soil*. Penerbit LESTARI. Bangi
- Noor Ezlin Ahmad Basri, Shahrom Md Zain, Lailatulfariha Mamat & Nur Fatin Md Saat, 2015, *Ecosystem Discovery Journey Module Series – Waste*. Penerbit LESTARI. Bangi
- Rahmah Elfithri, Nik Mohd Noor Faizul Md Saad & Wan Nur'ashiqin Wan Moahamad, 2015, *Ecosystem Discovery Journey Module Series – Water*. Penerbit LESTARI. Bangi
- Shaharuddin Mohamad Ismail, Azman A. Rahman & Bisharuzi Omar, 2015, *Ecosystem*

Discovery Journey Module Series – Forest. Penerbit LESTARI. Bangi
Sohif Mat, Norashikin Ahmad Ludin, Suhaila Sepeai, Marsita Mohamad & Halim Razali,
2015, Ecosystem Discovery Journey Module Series – Energy. Penerbit LESTARI.
Bangi

Institut Informatik Visual (IVI)

LMCP1582 Data Raya untuk Masyarakat / *Big Data for Community*

Kursus ini membina pengetahuan asas berkaitan data raya untuk masyarakat. Kursus ini bertujuan untuk membincangkan asas data raya termasuk sifat-sifat data raya (volume, variety and velocity), sumber data raya (seperti media sosial, data sensor, data geospasial dan lain-lain), dan bagaimana data raya ini boleh digunakan bagi faedah dalam masyarakat. Penekanan akan diberi ke atas pengumpulan, penapisan dan penganalisan data raya melalui beberapa siri lawatan ke sumber-sumber data raya. Pengetahuan asas berkaitan visualisasi dan persembahan hasil bagi tujuan data raya masyarakat juga akan diterapkan dalam kursus ini. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman.

Bacaan Asas

Nor Azaruddin Husni Nuruddin. 2016. *Kehidupan dan Data Raya*. Sinar Harian.
Alex Pentland. 2014. *Social Physics: How Good Ideas Spread – The Lessons from a New Science*. 1st Edition. Penguin Press.
Erez Aiden and Jean-Baptiste Michel. 2014. *Uncharted: Big Data as a Lens on Human Culture*. 1st Edition. Riverhead Books.
Big Data & Society. Sage Publications. <http://bds.sagepub.com/latest>
Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
Portal Data Terbuka Malaysia, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). <http://www.data.gov.my/>
MAMPU Mahu Lebih Banyak Agensi Kerajaan Guna Data Raya Sektor Awam. 2016. Bernama.

Institut UMBI

LMJJ1502 DNA Untuk Kemasyarakatan / *DNA for Community*

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada prinsip asas, teknologi dan aplikasi DNA dalam bidang perubatan molekul. Pelajar akan didedahkan kepada faedah, risiko, penerimaan masyarakat, isu etika dan pengawalan aplikasi DNA dalam perubatan. Kursus ini turut meliputi perbincangan mengenai isu-isu moral, etika dan perspektif

agama serta implikasinya dalam menangani isu-isu berkaitan aplikasi DNA. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman melalui kuliah dan seminar interaktif serta demonstrasi makmal.

Bacaan Asas

- Watson, J.D., Baker, T.A., Bell, S.P., Gann, A., Levine, M. & Losick, R. 2014. *Molecular Biology of the Gene*. Edisi ke-7. New York: Cold Spring Harbor.
- Abbas, A.K., Lichtman, A.H. & Pillai, S. 2015. *Cellular and Molecular Immunology*. Edisi ke-8. Philadelphia: Elsevier Saunders.
- Krebs, J.E., Lewin, B., Goldstein, E.S. & Kilpatrick, S.T. 2014. *Lewin's Genes XI*. Edisi ke-11. Massachusetts: Jones & Bartlett Publishers.

CITRA 6 - Kekeluargaan, Kesihatan dan Gaya Hidup

Pusat Citra Universiti

LMCK2811 Sosial & Kebertanggungjawaban / *Social & Responsibilities*

Kursus ini adalah bertujuan untuk membangunkan kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban pelajar melalui pelbagai aktiviti dalam program yang berasaskan komuniti (community-based programme). Pelajar dikehendaki merancang dan mengikuti aktiviti yang boleh membawa perubahan dan memberi impak positif kepada masyarakat. Melalui aktiviti ini, pelajar akan dapat mengasah bakat dan menggarap kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban dalam suasana pembelajaran yang luwes (flexible). Di akhir kursus ini, pelajar mampu berinteraksi dengan semua lapisan masyarakat, peka terhadap permasalahan masyarakat dan sekelilingnya serta mengambil inisiatif untuk melibatkan diri dalam komuniti.

Bacaan Asas

- Pusat Akreditasi Pembelajaran. 2011. *Garis panduan kokurikulum berkecuali berasaskan kontrak pembelajaran*. Bangi: Pusat Akreditasi Pembelajaran.
- Kerzner, H.R. 2013. *Project management: A systems approach to planning, scheduling, and controlling*. New Jersey, NJ: John Wiley & Sons, Inc.
- Mark S. Schwartz. 2011. *Corporate Social Responsibility: An Ethical Approach*. Broadview Press.
- Jamilah Ahmad, David Crowther. 2013. *Education and Corporate Social Responsibility: International Perspectives*. Emerald Group Publishing.
- Tracy D. Connors. 2011. *The Volunteer Management Handbook: Leadership Strategies for Success*. Wiley Publishing.

LMCK2922 Kemahiran Insaniah / *Soft Skills*

Kokurikulum bercredit berasaskan kontrak pembelajaran yang merentasi pendidikan Citra 1 sehingga Citra 6 adalah aktiviti pemacu sendiri pelajar (student-driven) bermatlamat ke arah pemerolehan pengetahuan secara afektif dan psikomotor melalui kompetensi pelajar. Aktiviti atau program dijalankan di pelbagai pusat pembelajaran (learning centres) yang dipilih mengikut minat dan kecenderungan bagi mengasah bakat dan menggarap kemahiran dalam suasana pembelajaran yang luwes (flexible) dan menyenangkan (enjoyable). Penyertaan dan penghayatan pembelajaran melalui pengalaman (experiential learning) menerusi aktiviti yang bersifat asli (authentic) menjadikan kokurikulum sebagai wadah pelengkap kepada pengalaman pembelajaran menyeluruh (total learning experience) berasaskan sikap saling mempercayai dan jujur (honour) selaras dengan matlamat dan aspirasi UKM.

Bacaan Asas

- Jumali Hj Selamat, Et. Al. 2011. *Komunikasi Berkesan Aplikasi untuk Remaja*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mark S. Schwartz. 2011. *Corporate Social Responsibility: An Ethical Approach to Planning, Scheduling and Controlling*. New Jersey, NJ: John Wiley & Sons, Inc
- Shaharuddin Ahmad, Et. Al. 2010. *Mengurus Persatuan: Proses dan Kemahiran*. Bangi: Penerbit UKM
- Tracy D. Connors. 2011. *The Volunteer Management Handbook: Leadership Strategies for Success*. Wiley Publishing.
- Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). *Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju*. 2010. Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

LMCP1602 Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam / *Child Education Parenting In Islam*

Matlamat kursus ini ialah mendedahkan pelajar yang akan menjadi ibu bapa mengenai pendidikan kanak-kanak yang sistematik untuk membina jenerasi pewaris yang hebat. Termasuk dalam kursus ini ialah nas-nas kenapa ibu bapa mesti mendidik anak-anak mereka secara sistematik, kaedah-kaedah mendidik bayi, kanak-kanak dan anak yang mula membesar berumur dari 0 hingga 5 tahun. Pendidikan yang dimaksudkan termasuklah dari segi pengetahuan, akhlak, keimanan, ibadah dan kemahiran. Termasuk juga mengajar kanak-kanak membaca, matematik dan sains semenjak lahir.

Bacaan Asas

- Abdullah Nashih Ulwan. 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam (Pendidikan Anak Dalam Islam)*. Insan Kamil. Jakarta
- Copple C. 2008. *Developmentally Appropriate Practice in Early Childhood Programms Serving Children from Birth Thriugh Age 9*. The National Association for the

Education of Young Children

- Gonzalez-Mena J. and Eyer D. W. 2015. *Infants, Toddlers, and Caregivers: A Curriculum of Respectful, Responsive, Relationship-Based Care and Education*. Mc Graw Hill
- Riza Atiq. 1996. *Ke Arah Pembentukan Kanak-kanak*. Pustaka Aman Press. Kota Bharu
- Siege D. J. and Bryson T.P. 2012. *The Whole-Brain Child; 12 Revolutionary Strategies to Nurture Your Child's Developing Mind*. Bantam Books, New York

LMCP1612 Islam dan Psikologi / *Islam And Psychology*

Kursus ini membincangkan Islam dan Psikologi dalam hidup seseorang manusia. Perbincangan asas dalam kursus ini menyentuh keseimbangan aspek ruh, hati dan jasad dalam melengkapkan elemen diri yang sejahtera. Prinsip dan asas dalam hidup seseorang, termasuk tingkahlaku, personaliti, emosi dan motivasi turut dibincangkan secara umum di dalam kursus ini melalui perspektif Islam dan Psikologi. Selain itu, kursus ini juga menyentuh sedikit sebanyak realiti dilemma manusia hari ini dalam mencari erti bahagia, khususnya dalam kehidupan seharian. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk perkongsian pengalaman pembelajaran, pembelajaran berdasarkan masalah dan kes, serta pembelajaran berpaksikan hasil.

Bacaan Asas

- Al-Attas, S M Naquib (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1993.
- Al-Madani, A A, Tuskan, H A (2013). *Pendidikan dan Psikologi Rasulullah SAW*. Selangor: Crescent News, 2013.
- Aisha, U (2011). *Psychology from the Islamic Perspective*. Riyadh: International Islamic Publishing House, 2011.
- Ayad, Amira (2008). *Healing Body & Soul: Your Guide to Holistic WellBening following Islamic Teachings*. Riyadh: International Islamic Publishing House, 2008.
- Badri, Malik (1979). *The Dilemma of Muslim Psychologists*. London: MWH London, 1979.

LMCP1632 Rumah dan Anda / *Home and You*

Rumah adalah keperluan asas manusia dan merupakan antara pelaburan terbesar dalam kehidupan seseorang. Kursus ini memberi kesedaran kepada pemilikan rumah, senario industri perumahan negara dan penerimaan rumah yang berkualiti. Pengetahuan asas teknikal berkaitan bangunan (rumah) yang perlu diketahui oleh masyarakat umum, terutamanya semasa serahan kunci unit rumah turut diberikan dalam kursus ini. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk atas-talian, pengalaman pembelajaran dan pembelajaran berasaskan masalah.

Bacaan Asas

- Azlan Shah Ali, Rohayati Zakaria. 2013. *Kawalan Bangunan: Pelaksanaan Kelulusan Pelan Bangunan melalui Pusat Sehati*. Penerbit UTHM.
- Hadi Akbar, Adi Irfan Che Ani, Ahmad Sairi. 2015. *Learning Building Defects via Visual Novel Approach*. Selangor: Lestari Physical Development (LPhyD) Research Group. Atas talian: <http://www.slideshare.net/HadiAkbar1/learning-building-defects-via-visual-novel-approach>
- Kerajaan Malaysia. *Uniform Building By-Laws 1984*. International Law Book Services. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kerajaan Malaysia. *Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974*. International Law Book Services. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Qlassic. 2014. *Quality Assessment System for Building Construction Work (Qlassic CIS 7: 2014)*. Kuala Lumpur: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Atas talian: <http://www.cidb.gov.my/cidbv4/images/pdf/2015/cis7%202014%20qlassic%20v2.pdf>

LMCP1642 Seni Konvoi Bermotosikal / *The Art Of Motorcycle Convoy*

Konvoi bermotosikal merupakan satu aktiviti riadah yang semakin mendapat tempat di Malaysia. Ia memaparkan gaya hidup sihat disampingkan dapat meningkatkan jaringan perhubungan secara profesional dikalangan ahli-ahli kelab motosikal. Kursus ini memberi pendedahan terhadap seni konvoi bermotosikal melalui aktiviti berkonvoi dan pengurusan konvoi secara umum. Tugas-tugas pihak berkepentingan seperti kumpulan motosikal, polis, masyarakat dan khidmat sokongan teknikal didedahkan melalui kursus ini. Kaedah penyampaian adalah melalui syarahan, kuliah interaktif dan kerja lapangan. Di akhir kursus, pelajar berupaya melakukan aktiviti konvoi bermotosikal yang memberi manfaat kepada masyarakat umum.

Pra-keperluan

Mempunyai motosikal dan lesen memandu yang sah.

Bacaan Asas

- Davis, J.R. 2017. *Group Riding Guidelines for Street Bikes*. Texas: Master Strategy Group. Atas talian: <http://www.msgroup.org/GroupRidingGuide.aspx>
- Pollock, M. 2017. *Riding in a Group: Motorcycle Safety Issues and Tips*. Ontario: Motorcyclebasic.com. Atas talian: <http://www.motorcyclebasics.com/group-riding.html>
- Kerajaan Malaysia. *Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 (Akta 748)*. International Law Book Services. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kerajaan Malaysia. *Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)*. International Law Book Services. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kerajaan Malaysia. *Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan: Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)*. International Law Book Services. Kuala Lumpur, Malaysia.

LMCP1652 Personaliti & Kehidupan / *Personality and Life*

Personaliti adalah perwatakan individu yang ditampilkan melalui pemikiran, sikap dan tingkahlaku individu. Personaliti individu boleh dipengaruhi oleh elemen-elemen dalaman seperti pewarisan dan juga elemen-elemen luaran seperti termasuk persekitaran, pendidikan, sosialisasi, norma budaya dan agama serta banyak lagi. Bersandarkan kepada pengalaman sebenar dan kajian-kajian ilmiah, pelajar-pelajar akan didedahkan kepada konsep asas perbezaan individu dari perspektif personaliti, pendekatan idiografik dan nomotetik dalam kajian personaliti, struktur dan dimensi personaliti, model-model personaliti, mekanisma pembinaan dan perkembangan personaliti, serta faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi pembentukan personaliti. Peranan dan sumbangan personaliti sebagai anteseden, perantara dan moderator akan diterangkan dan dibincangkan bagi menunjukkan kedinamikan dan kefungsiian personaliti dalam kehidupan manusia.

Bacaan Asas

- Bernado Carducci (2009). *The Psychology of Personality*. 2nd Edition, Wiley-Blackwell: United Kingdom.
- Charles S. Carver & Michael F Scheier (2008). *Perspectives on Personality*. Ally & Bacon: Boston.
- Dan P. McAdams (2009). *The Person: A New Introduction to Personality Psychology*. 5th Edition. John Wiley & Son: New Jersey.
- Dan P. McAdams (2016). *The Art and Science of Personality Development* 5th Edition. Guilford Press: New Jersey.
- Daniel Nettle (2007). *Personality: What Makes You the Way You Are*. Oxford University Press.
- Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan, Zaharah Hassan, Fazilah Idris, Mohammad Mohsin Mohamad Said, & Fatin Hazwani Siran (2009). *Personaliti & Pembangunan Insan*, Pusat Pengajian Umum, UKM: Bangi
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub (2007). *Teori Personaliti dari perspektif Islam*, Timur & Barat. PTS.

LMCR1611 Boling dan Gaya Hidup Sihat / *Bowling And Healthy Lifestyle*

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada para pelajar mengenai manfaat boling dalam aspek kesihatan dan kekeluargaan. Para pelajar juga akan didedahkan kepada senaman, peraturan asas, etika boling, terminologi, penskoran dan teknik-teknik asas boling. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan secara kuliah dan latihan amali.

Bacaan Asas

- Grinfelds, V. & Hultstrand, B. 2003. *Right Down Your Alley: The beginners' book of bowling*. Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Grinfelds, V. & Hultstrand, B. 2007. *Right Down Your Alley: The Complete Book of*

- Bowling 7th Edition. Belmont, CA: Cengage Learning.
- Martin, Janis H. 2000. *Skills, Drills & Strategies for Bowling*. Englewood, CO: Holcomb Hathaway Publishers.
- Mullen, M. 2014. *Bowling Fundamentals*, second Edition. USA: Human Kinetics.
- Wiedman, D. 2006. *Bowling: Steps To Success*. USA: Human Kinetics.

LMCR1652 Asas Pengubatan Islam / *Basis Islamic Medicine*

Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar mengenai konsep, falsafah dan latar belakang pengubatan Islam. Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan kepada kaedah rawatan-rawatan penyakit akibat gangguan jin syaitan. Ikhtiar mengatasi masalah rumit akan turut diberikan penekanan. Huraian tentang sihir dan kaedah rawatan akibat sihir turut dilakukan. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran, pembelajaran berasaskan masalah, dan service learning.

Bacaan Asas

- Ansaruddin Agus dan Mohd Azlee A. Mutalib. 2011. *Perangi Sihir*. K. Lumpur: PTS Publishing House.
- Hasan Ahmad. 2009. *Terapi dengan Ibadah: Istighfar, Sedekah, Doa, al-Quran, Shalat dan Puasa*. Riyadh: Dar al-Kitab Wa al-Sunnah.
- Haron Din. 2011. *Rawatan Penyakit-penyakit Akibat Sihir*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa) dan Koperasi Darussyifa Berhad.
- Syarhan Safie. 2012. *Merisik Strategi Makhhluk Jin*. Kota Damansara: Vesselmas Sdn Bhd.

LMCR1692 Institusi Kekeluargaan Muslim / *Muslim Family Institution*

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan tentang asas membina keluarga muslim. Kursus ini berorientasikan akademik, kajian lapangan dan penilaian berterusan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak, nilai dan jati diri. Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan tanggungjawab sosial dalam keluarga dan mengaplikasi hukum dengan semasa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pengalaman pembelajaran dan pembelajaran berasaskan masalah (PBL).

Bacaan Asas

- Adawiyah Ismail. 2007. Kaunseling Islam ke arah Pembentukan Keluarga Dinamik. Shah Alam: Karisma Sdn. Bhd.
- Andek Masnah Andek kelewa. 1999. Kepimpinan Wanita dalam Islam. Bangi: Penerbit UKM
- Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari. 2006. Islam dan Emansipasi Wanita. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Hammad, Suhailah Zainal Abidin. 1983. Al-Mar'ah baina al-Ifrat wa al-Tafrit. Jeddah: Dar al-Saudiyyah li al-nasyr wa al-Tawzi'

PPPM1922 Al-Qur'an, Manusia Dan Masyarakat

ursus ini mengkaji ayat-ayat suci al-Qur'an yang berkaitan dengan kejadian manusia dan alam, tabiat manusia, status manusia di kalangan seluruh makhluk yang lain, hubungan manusia dengan alam sekitar dan manusia sebagai khalifah untuk dibandingkan dengan teori manusia yang kurang tepat. Kajian perbandingan juga dilakukan terhadap teori-teori moden tentang manusia yang cuba menanggapi isu kemanusiaan dalam al-Qur'an secara salah. Peranan manusia sebagai hamba Allah (s.w.t.) dan peranan mereka khalifah-Nya dibicarakan. Juga ditekankan pembentukan peribadi, keluarga dan masyarakat mengikut acuan Islam serta hubungan syariah dengan pembentukan masyarakat.

Bacaan Asas

- al-Buti, Muhammad Sacid Ramadan, 1397H, Kubra al-Yaqiniyyat, al-Qaherah, Dar al-Fikr.
- al-Buti, Muhammad Sacid Ramadan. 1998. Manhaj al-Hadarah al-Insaniyyah fi al-Qur'an. Damshik: Dar al-Fikr.
- al-Khuli, al-Bahi, 1983, Adam calaihi al-salam, al-Qaherah, Maktabah Wahbah. Mahna, Ahmad Ibrahim, 1981, al-Insan fi al-Qur'an al-Karim, al-Qaherah, Majmac al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Shalabi, Ahmad. 1963. al-Mujtamac al-Islami. Kaherah: Dar al-Tibacah al-Hadithah.

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan

LMSK1602 Sastera untuk Kecerdasan Emosi

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep asas kecerdasan emosi termasuk kesedaran diri, kesedaran sosial dan tanggungjawab sosial, dan kepentingan konsep tersebut dalam memahami isu-isu yang dibangkitkan dalam kesusasteraan dunia. Teks sastera akan digunakan sebagai cermin yang membayangkan ise umat manusia, dan melalui bacaan teks sastera, pelajar akan diajar untuk menjiwai watak sastera, di samping membina kesedaran sosial dan tanggungjawab sosial. Penekanan akan diberikan kepada kemahiran muhasabah diri, empati emosi dalam konteks kepelbagaian, dan pemikiran kritis dan kreatif. Kursus ini akan menggunakan teknik pengajaran flipped serta mobile.

Bacaan Asas

- Cornwall, M. 2010. *Go Suck a Lemon. Strategies for Improving your Emotional Intelligence*. NOOK Book.
- Caldwell, S. & L. Gravett 2009. *Using Your Emotional Intelligence to Develop Others*. New York: Palgrave Macmillan.
- Goleman, D. 2011. *The Brain and Emotional Intelligence: New Insights*. Northampton, M.A.: More Than Sound LLC.
- Margitits, F. & Z. Pauwlik. 2010. *Personal Strivings As A Predictor Of Emotional Intelligence*. New York: Nova Science Publishers, Inc.
- Shahnaz Bahman, & H. Maffini. 2008. *Developing Children's Emotional Intelligence (Continuum Education)*. Continuum.

Fakulti Ekonomi & Pengurusan

LMEP1612 Perancangan Ekonomi Keluarga

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar konsep, teori dan amalan ekonomi keluarga bagi meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan mereka. Ia meliputi aspek penggunaan, hutang, tabungan, peruntukan masa dan penjanaan kekayaan sesebuah keluarga. Topik asas dalam kursus ini meliputi bagaimana memilih corak penggunaan yang optimum, bagaimana mengurus kewangan dengan baik, pengurusan hutang dan tabungan keluarga. Di samping itu, perbincangan tentang peruntukan masa yang optimum antara pelbagai aktiviti termasuklah aktiviti di rumah dan aktiviti di pasaran turut dibincangkan. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk perkongsian pengalaman, pembelajaran berdasarkan masalah dan pembelajaran berpaksikan hasil. Pelajar akan didedahkan dengan pengalaman membentuk borang soalselidik, temubual responden dan membentang hasil kajian.

Bacaan Asas

- Blau, F. D., Ferber, M. A. & Winkler, A. E. (2013). *The Economics of Women, Men and Work*, 7th Ed. Pearson Economics Series: New York.
- Ehrenberg, R.G. & Smith, R. S. (2015). *Modern Labor Economics: Theory and Public Policy*. 12th Ed. Pearson Education Limited: England.
- Kaadi, G. (2016). *Your Life is Richer than You Believe: 12 Commandments for a Healthy Relationship with Your Money*. Authentic Endeavors Publishing:
- Norris, R. (2013). *The Smart & Easy Guide to Personal Finance & Family Budgeting: Your Financial Workbook to Budget Management, Saving Money Programs, Paying off Debt & Planning for the Future*. Checkmate Marketing Group LLC: Charlotte, NC.

Unit Perancang Ekonomi. Laporan Tahunan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Malaysia. Pelbagai Tahun.

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

LMTT2113 *Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Masyarakat Malaysia / Information Technology And Communication Within Malaysian Society*

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar antarabangsa tentang sosio ekonomi Malaysia secara ringkas dan perkembangan ICT di Malaysia. Bagi mencapai objektif ini, pelajar diberi pengetahuan yang lengkap tentang sejarah, infrastruktur, inisiatif kerajaan dan pembangunan teknologi terkini ICT di Malaysia. Pelajar di dedahkan dengan implimentasi ICT dalam masyarakat luar bandar, pendidikan, ekonomi dan perubatan. Pelajar juga didedahkan kaedah penggunaan e-kerajaan, media sosial, media kreatif dan e-komuniti dalam usaha pengintegrasian masyarakat Malaysia. Di akhir kursus, pelajar akan membuat kajian kes tentang penggunaan ICT di kawasan yang akan ditetapkan.

Bacaan Asas

- Rebecca Nthogo Lekoko, Ladislaus M. Semali (2011). Cases on Developing Countries and ICT Integration: Rural Community Development. Idea Group Inc. (IGI).
- Malaysia ICT Roadmap Handbook. 2013. Malaysian Communications and Multimedia Commission.
- Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, Siti Fadzilah M. Nor and Zawiyah M. Yusof (2012). Bridging Digital Divide: A Study on ICT Literacy among Students in Malaysian Rural Areas. Australian Journal of Basic and Applied Sciences, 6(7): 39-45.
- Wan Zah Wan Ali and Hajar Mohd Nor (2010). The Implementation of Ict Integration in Malaysian Smart Schools, New Achievements in Technology Education and Development, Safeullah Soomro (Ed.), InTech.
- Siti Suriawati Isa (2012). Development Issues for the Creative Economy in Malaysia. PhD Tesis. Queensland University of Technology, Australia.

LMTT1913 *Pengenalan Teknologi Maklumat / Introduction To Information Technology*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep teknologi maklumat dan penggunaannya dalam kehidupan manusia dan juga organisasi. Kursus ini dimulakan dengan membincangkan kepentingan teknologi maklumat, komponen teknologi maklumat, komputeran internet dan komputeran mudahaloh, sistem maklumat, pengurusan data dan pengetahuan, e-dagang dan juga impak teknologi maklumat kepada masyarakat.

Bacaan Asas

- White, RS. 2014. How Computers Work: The Evolution of Technology. QUE Publishing.
- Gary, B., Steven, M. 2010. Introduction to Computers. Shelley Cashman Series.
- Lynda, A., Robert, A., Deborah, S. 2011. Corporate Information Strategy and Management:

Text and Cases. McGraw Hill Education.

Gale, R. 2012. *Getting Started in Information Technology Field with or without a technical degree*. BookBaby.

Turban, E., Rainer, R. K. And Potter, R. E. 2005. *Introduction to Information Technology*. John Wiley & Sons, Inc.

LMCR3113 Teknologi Maklumat, Persekitaran & Gaya Hidup / *Information Technology, Environment & Lifestyle*

Kursus ini membincang perkembangan, implikasi, dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TM) kepada kekeluargaan, kesihatan dan gaya hidup masyarakat. Kursus ini dilaksana dalam persekitaran kuliah melibatkan perbincangan dan tutorial yang membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran menilai peranan TM khususnya kepada masyarakat dan Negara amnya. Antara struktur pengajaran kursus ini merangkumi konsep asas, peranan, kebolegunaan TM, keperluan teknologi untuk mencipta, menyebarkan dan mengurus data dan maklumat, menilai impak TM kepada masyarakat, TM dan persekitaran, TM dan perniagaan, dan kerajaan elektronik di Malaysia. Pelajar perlu diberi pendedahan ini supaya dapat menjadi pengamal dan pengusaha TM yang mempunyai kesedaran tentang impak TM kepada masyarakat dan persekitaran, serta dapat menilai baik dan buruk implikasi pada masa akan datang.

Bacaan Asas

Zacher, L. W. (ed.). 2017. *Technology, Society and Sustainability: Selected Concepts, Issues and Cases*. Cham.: Springer International Publishing.

Barry, M.D. 2013. *Diving into the bitstream: Information technology meets society in a digital world*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Cline, H.F. 2014. *Information communication technology and social transformation: A social and historical*



GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENEGAK

* Untuk kegunaan Pelajar Kemasukan Kategori Diploma sahaja

1. "Pemindahan kredit secara menegak" bererti kursus yang dikecualikan bagi seorang pelajar daripada mengambil semula kursus-kursus yang setara yang telah diambil daripada kolej/institusi pascapendidikan menengah (kolej/IPTA/IPTS) di dalam dan di luar negara.
2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred Dikecualikan (DK) tidak dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) akan ia diambil kira sebagai sebahagian dari Jumlah Kredit bagi tujuan pengijazahan;
3. Syarat pemindahan kredit secara menegak adalah:
 - a) Kategori pelajar dalam Skema Pengecualian Kredit adalah Pelajar yang khusus mengambil kursus di peringkat Diploma/Sijil atau setaraf dengannya;
 - b) Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
 - c) Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM;
 - d) Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada MQA bukan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat;
 - e) Pelajar berkenaan mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya; (*Pelajar Fakulti Pendidikan yang mempunyai Diploma/Sijil Perguruan dikecualikan daripada peraturan ini (Senat ke315)*);
 - f) Kursus berkenaan tidak melebihi 5 tahun dari tarikh permohonan;
 - g) Kredit yang dipindahkan secara menegak **tidak boleh melebihi 30% (diploma) dan 60% (diploma lanjutan)** daripada jumlah beban kredit sesuatu program;
 - h) **Pengecualian sesuatu kursus pengajian hanya dibenarkan pada Semester 1, Tahun 1 sahaja.**
4. Permohonan untuk pemindahan kredit secara menegak (Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/1 (Semakan 5)) yang boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Akademik **selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester pertama sesi pembelajaran bermula bersama dengan perkara dibawah:**
 - a) Resit bayaran wang proses sebanyak **RM100.00** atas nama Bendahari UKM;
 - b) Mengemukakan **transkrip atau keputusan peperiksaan Diploma berkenaan yang telah disahkan bersama sinopsis/kandungan kursus dari mana-mana IPTA/IPTS dalam dan luar negara yang diiktiraf untuk semakan;**
5. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas;
6. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan **selewatnya pada, minggu ke-6.**



GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENDATAR

** Untuk kegunaan pelajar UKM yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjanamuda sahaja*

1. "Pemindahan kredit secara mendatar" bererti kursus yang dipindahkan bagi kursus setara;
 - a) antara 2 program yang berlainan di dalam UKM atau;
 - b) salah satu daripada program adalah program diluar UKM;
 - c) apabila pelajar bertukar program/fakulti yang lain di UKM kecuali pelajar berstatus Gagal Berhenti (PGB);
 - d) apabila pelajar mengikuti pertukaran pelajar (program mobiliti) diluar negara
2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred mengikut gred asal (rujuk syarat pemindahan secara mendatar dibawah) atau setara dengannya. Gred ini **dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)** dan ia diambil kira sebagai sebahagian dari Jumlah Kredit bagi tujuan pengijazahan;
3. Syarat pemindahan kredit secara mendatar adalah:
 - a) Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
 - b) Gred tidak kurang dari C atau penyetaraan berdasarkan kedudukan pencapaian pelajar dalam kursus yang diambil atau markah mutlak;
 - c) Tempoh sah laku kredit yang dipindahkan ialah 5 tahun;
 - d) Program tersebut mendapat akreditasi oleh MQA, badan profesional berautoriti /agensi Jaminan Kualiti dinegara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat universiti tersebut;
 - e) Kredit yang dipindahkan secara mendatar **tidak boleh melebihi 30%** daripada jumlah keseluruhan kredit sesuatu program;
4. Permohonan untuk pemindahan kredit secara mendatar (Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/1(Semakan 6)) yang boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada **fakulti dan pusat** yang menawarkan kursus berkenaan untuk diluluskan pemindahan mengikut program yang diikuti.
5. Pelajar perlu melampirkan borang ini bersama transkrip atau keputusan peperiksaan berkenaan dan mengikut langkah-langkah berikut: a) yang telah disahkan untuk semakan. b) Perlu dihantar ke fakulti/pusat terbabit selewat-lewatnya 2 minggu selepas keputusan diterima. **Kelewatan pelajar mengemukakan keputusan akan memberi kesan kepada proses pengijazahan pelajar;**
6. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas. Kelulusan permohonan pemindahan kredit mendatar akan disahkan di dalam mesyuarat fakulti;
7. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Akademik sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan pada semester berkenaan. Gred akan dimasukkan dalam keputusan peperiksaan semester berikutnya;

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN SARJANAMUDA) 1990

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 13 Akta Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990, Senat Universiti Kebangsaan Malaysia membuat peraturan seperti berikut;

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- 1.1 Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb. Julai 1991.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mengikuti sesuatu program yang mengurniakan suatu Ijazah selepas tarikh Peraturan ini mula berkuatkuasa.

2. Syarat Penerimaan Masuk

2.1 Keperluan Pelajaran Asas

2.1.1 Sijil Pelajaran Asas

- 2.1.1.1 Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya serta lulus dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dan:

2.1.2 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

- 2.1.2.1 Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan Gred C (NGMP 2.00 dalam dua (2) mata pelajaran lain;

Pindaan 2009

atau:

2.1.3 Sijil Matrikulasi/ Asasi

- 2.1.3.1 Calon-calon mestilah lulus kursus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

Pindaan 2009

atau:

2.1.4 Sijil Tinggi Agama (STAM)

- 2.1.4.1 Calon mestilah lulus Sijil Tinggi Agama (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;

atau:

2.1.5. Diploma/Setaraf

Pindaan 2009

2.1.5.1 Calon mestilah memiliki Kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;

atau:

2.1.5.2 Lulus peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

2.1.5.3. Lulus Sijil Matrikulasi tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

2.1.6 Kelayakan lain

2.1.6.1 Calon-calon mestilah mempunyai kelayakan lain dan/atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat seperti yang tersenarai di dalam Buku Panduan Fakulti masing-masing.

dan:

2.1.7 Malaysian University English Test (MUET).

Pindaan 2009

2.1.7.1 Calon –calon mestilah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).

2.2 Syarat-syarat Masuk Yang Lain

Pindaan 2000

Calon-calon mestilah juga:

2.2.1 dapat memuaskan Senat tentang kecekapan mereka bertutur dalam Bahasa Melayu

2.2.2 mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti;

2.2.3 menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas tahun atau lebih pada hari pertama tahun akademik yang mereka mohon masuk;

2.2.4 menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di Univeristi; dan

- 2.2.5 memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- 2.3 Penerimaan masuk calon ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat.
- 2.4 Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang calon dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan dalam Bahagian ini. Pengagihan pelajar-pelajar ke bidang-bidang pengkhususan adalah ditetapkan mengikut budi bicara Lembaga Pemilih Fakulti. Walau bagaimanapun keutamaan masuk ke jurusan-jurusan tertentu adalah bergantung kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti.

3. Struktur Pengajian

3.1 Jumlah Kredit

Pindaan 2009

Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya seratus dua puluh (120) kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program pengajian tiga tahun dan seratus enam puluh (160) kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program pengajian empat tahun atau sejumlah unit lain yang ditetapkan oleh Senat,

3.2 Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:

3.2.1 Kursus Universiti

Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah:

Pindaan 2011

3.2.1.1 sepuluh (10) kredit kursus Pusat Pengajian Umum seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut;

3.2.1.1.1 Sepuluh (10) kredit kursus wajib Universiti seperti berikut:

- i. Empat (4) kredit kursus Pembangunan Diri
- ii. Tiga (3) kredit kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)
- iii. Tiga (3) kredit kursus Hubungan Etnik.

3.2.1.2 Dua (2) kredit kursus Asas Keusahawanan dan Inovasi seperti yang ditetapkan oleh Senat.

3.2.1.3 Lapan (8) kredit kursus kokurikulum seperti yang ditetapkan oleh Senat.

3.2.2 Kursus Fakulti

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah kreditnya ditetapkan oleh Fakulti.

3.3 Tempoh Yang Dibenarkan

- 3.3.1 Pelajar mestilah mengikuti kursus ijazah Sarjanamuda selama tidak kurang daripada lima (5) semester dan tidak lebih daripada sepuluh (10) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah Sarjanamuda bagi program pengajian tiga tahun dan sekurang-kurangnya tujuh (7) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) bagi program pengajian empat tahun kecuali bagi program pengajian Doktor Perubatan sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi dan Doktor Pergigian sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi. Pengajian Semester ke-III tidak diambilkira bagi menentukan jumlah semester maksimum pengajian yang dibenarkan;
- 3.3.2 Pelajar yang dikecualikan daripada sebilangan kredit kursus semasa penerimaan masuk, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan.

Pindaan 2009

3.4 Pendaftaran Kursus

- 3.4.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester/ Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-III adalah opsional;
- 3.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh enam (26) kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada dua puluh enam (26) kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan. Untuk semester ke-III calon-calon dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada satu (1) kursus dan tidak lebih daripada tiga (3) kursus;
- 3.4.3 Calon yang mendapat PNGS > 3.00 dan lulus semua kursus di peringkat 1000 akan dibenarkan mengambil beban maksimum sebanyak dua puluh enam (26) kredit. Kebenaran seterusnya akan diberikan pada semester berikutnya jika calon kekal mendapat PNGS > 3.00. Calon yang memperolehi PNGS = 2.26 – 2.99 dibenarkan mengambil beban maksimum sebanyak dua puluh (20) kredit sahaja manakala calon yang memperolehi PNGS < 2.25 dibenarkan mengambil beban maksimum enam belas (16) kredit. Kebenaran untuk mendaftar lebih kredit daripada yang dibenarkan mestilah mendapat kebenaran Dekan/Pengarah;
- 3.4.4 Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Untuk semester ke-III calon tidak dibenarkan menukar atau tambah kursus setelah semester bermula;
- 3.4.5 Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred. Untuk semester ke-III calon dibenarkan menarik diri dari sesuatu kursus dan akan diberi gred TD;

Pindaan 1995

Pindaan 2009

Pindaan 2009

4. Struktur Penilaian

4.1 Pemberian Nilai Gred

Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian-penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

- 4.2 Pemberian nilai gred untuk sesuatu kursus yang ditawarkan oleh Fakulti selain daripada kursus-kursus tanpa peperiksaan akhir semester adalah dengan cara penilaian berasaskan kepada kerja kursus dan/atau peperiksaan pertengahan semester (30% - 70%) dan peperiksaan akhir semester (70% - 30%).
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut):

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Kepujian
B	3.00	
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	
E	0.00	Gagal
L/K	Lulus/Kandas	
TL	Tidak Lengkap	
SM	Sedang Maju	
U	Audit	
TD	Tarik Diri	
TP	Tanggung Peperiksaan	

Pindaan 1995

- 4.4 Gred-gred berikut diberikan tanpa nilai gred:
- 4.4.1 L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “kandas” sahaja.
- 4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
- 4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu Semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi kredit baginya hanya dikira untuk penentuan kredit umum bagi sesuatu Semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Kredit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah kredit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred.

- 4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu.
- 4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti selepas minggu ke-4 hingga minggu ke-8 sesuatu semester.
- 4.4.6 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 8.3. Peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.

Pindaan 2000

5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti pada perenggan 3.2.1.2. kecuali kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.

Pindaan 1995, 2001

- 5.2 Kursus-kursus yang mendapat gred “E” (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.
- 5.3 Gred bagi kursus-kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi pelajar-pelajar yang mengulang dan dengan ini gred “E: (gagal) asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan tertakluk kepada perenggan 7.3.

- 5.4 Calon dibenar mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu kursus-kursus yang mendapat gred C-, D+ dan D sahaja. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira di dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digugurkan. Projek latihan ilmiah tidak termasuk di dalam peraturan ini.

Pindaan 1993

- 5.5 PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah;

5.5.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Pindaan 2000

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 5.1 dan 5.3:

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n GiUi}{\sum_{i=1}^n Gi}$$

Yang mana

G = Nilai gred kursus ke-i

U = Jam kredit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester 1				
Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
CE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			13	35.00

Semester 1				
Kursus	Nilai Gred	Unit Gred	Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
	JUMLAH		13	35.00

Pindaan1992

PNG Semester = 35.00

Pindaan1992

13

= 2.69

5.5.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Pindaan1992

Kursus	Gred	Semester I		Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
		Nilai Gred			
XA1013	A	4.00		3	12.00
XB1013	B+	3.33		3	9.99
XC1013	A-	3.67		3	11.01
XD1512	E	0.00		2	0.00
CE1512	D	1.00		2	2.00
Jumlah Kecil				13	35.00

Pindaan1992

Kursus	Gred	Semester II		Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
		Nilai Gred			
XA1113	A	4.00		3	12.00
XB1313	B+	3.33		3	9.99
XC1113	C+	2.33		3	6.99
XD1363	A	4.00		3	12.00
CE1512	D	1.00		2	2.00
Jumlah Kecil				14	42.98
JUMLAH BESAR				27	77.98

Pindaan2009

$$\text{PNGK} = \frac{77.98}{27}$$

$$= 2.88$$

- 5.6 Fakulti-fakulti dibenar memasukkan pemberat dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Fakulti masing-masing untuk tujuan pengurniaan ijazah tertakluk kepada kelulusan Senat.

Pindaan2009

6. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

6.1 Taraf Lulus:

- 6.1.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih (≥ 2.00)

6.2 Taraf Lulus Bersyarat:

- 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 dengan 1.99 ($1.00 \leq \text{PNGK} \leq 2.00$)
- 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut tidak termasuk semester pertama pengajiannya. Ini bermakna jika pelajar masih memperolehi PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, calon akan dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 Taraf Gagal:

- 6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 tidak termasuk semester pertama pengajiannya atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan pada perenggan 6.2 di atas.
- 6.4 Penilaian PNGK bagi syarat-syarat 6.1, 6.2 dan 6.3 di atas akan hanya berkuatkuasa mulai semester kedua pengajian seseorang calon. Ini bermakna semua calon dibenar meneruskan pengajian ke semester kedua pengajiannya tanpa mengira keputusan peperiksaan semester pertamanya.
- 6.5 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah
- 6.5.1 Seseorang calon mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian.
- 6.5.1.1 mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas;
- 6.5.1.2 mendapat sekurang-kurangnya seratus (120) kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program pengajian tiga tahun dan seratus enam puluh (160) kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program professional atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan termasuk jumlah unit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1. Bagi tujuan ini, calon-calon dibenar untuk mengumpul kredit tambahan dengan tujuan untuk meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan oleh Fakulti atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perenggan 5.4.
- 6.5.2 Pengurniaan Ijazah

Pindaan1992

- 6.5.2.1 Pengurniaan ijazah adalah seperti berikut:

PNGK IJAZAH YANG DIKURNIAKAN

3.67 – 4.00 Ijazah Sarjanamuda Dengan Kepujian (Cemerlang)

2.00 – 3.66 Ijazah Sarjanamuda Dengan Kepujian

- 6.5.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada calon yang telah:

6.5.2.2.1 memenuhi semua kehendak Akta Pengajian Sarjanamuda;

6.5.2.2.2 memenuhi semua kehendak Peraturan ini;

6.5.2.2.3 diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Pemeriksa dan disahkan oleh Senat;

6.5.2.2.4 menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

Pindaan1993

7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah tidak mengikut sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 7.2 Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing-masing dan kegagalan menghadirnya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.
- 7.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.
- 7.4 Peperiksaan Ulangan Khas

Pindaan1993

- 7.4.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

7.4.2

Pindaan1992

- Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan disertakan bayaran yuran RM25.00. Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti, selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan, boleh mengaturkan peperiksaan tersebut.

8. Penggantungan Pendaftaran, Kebenaran Tidak Mendaftar dan Penangguhan Peperiksaan

- 8.1 Pertimbangan Untuk Penggantungan Pendaftaran.

Pindaan1992

- 8.1.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penggantungan pendaftaran untuk semester-semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini pengakuan daripada doktor yang terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Perubatan adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.

8.1.2

- Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 8.1.1 di atas boleh juga diberi penggantungan pendaftaran untuk sesuatu semester oleh Dekan Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Permohonan menggantungan pendaftaran boleh dibuat sehingga minggu ke-10 sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguhkan peperiksaan .

8.1.3

Pindaan1999

- Seseorang calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan menggantung pendaftaran diri sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya

dalam tempoh 2 minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar yuran pendaftaran yang ditetapkan untuk proses pendaftaran diri pelajar. Tempoh maksimum yang dibenarkan penggantungan pendaftaran diri adalah 2 semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.

8.2 Pertimbangan Untuk Tidak Mendaftar

8.2.1 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara 6 – 7 bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.

8.2.2 Seseorang pelajar boleh dibenarkan oleh Dekan Fakulti untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.

Pindaan2009

8.3 Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan

Pindaan2009

8.3.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.

8.3.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti pada perenggan 8.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar Universiti

8.4.1 Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan kebenaran tidak mendaftar akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan-kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.5 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Menggantungkan Pendaftaran/Tidak Mendaftar

8.5.1 Tempoh yang terlibat dengan penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar atas sebab-sebab kesihatan tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.

8.5.2 Tempoh semester yang terlibat dengan penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar atas sebab-sebab selain daripada kesihatan diambil kira (kecuali bagi tempoh dua semester yang pernah diambil dalam tempoh pengajian) sebagai

Pindaan2009

sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah.

- 8.5.3 Tempoh penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantungkan pendaftaran ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

9. Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan peperiksaan dan Rayuan-rayuan Terhadap keputusan Peperiksaan.

9.1 Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan

9.1.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/Pengerusi Pusat Pengajian untuk disimpan.

9.1.2 Ketua Jabatan/Ketua Program/Pengerusi Pusat Pengajian hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan dikeluarkan oleh Pendaftar.

9.1.3 Tertakluk kepada perenggan 9.1.4, semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.

Pindaan2009

9.1.4 Dalam kes-kes yang rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seorang pelajar, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.

9.2 Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

9.2.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh pelajar yang berkenaan dalam masa dua (2) hingga empat (4) minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberikan pertimbangan.

9.2.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.

9.2.3 Bayaran yuran sebanyak RM25.00 bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

9.2.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.

9.2.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan/Ketua Program/Pengerusi Pusat Pengajian, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.

- 9.2.6 Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan.
 - 9.2.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.
- 9.3 Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian
- 9.3.1 Seseorang calon yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
 - 9.3.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yuran RM25.00. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.
 - 9.3.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.
 - 9.3.4 Jawatankuasa Rayuan hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal-ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan/Ketua Program yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.
 - 9.3.5 Jawatankuasa Rayuan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:
 - 9.3.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - 9.3.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
 - 9.3.5.3 memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.
 - 9.3.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
 - 9.3.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak boleh dilayan.

10. Umum

- 10.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa terhadap pelajar baru pada dan selepas tarikh berkuatkuasa.

- 10.2 Peraturan-peraturan sebelumnya hendaklah terus berkuatkuasa terhadap pelajar yang telah memulakan program pengajian mereka mengikut peraturan lama sebelum atau selepas tarikh berkuatkuasa dan sehingga semua mereka yang layak untuk mendapatkan ijazah telah mendapat ijazah.
- 10.3 Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.

Diperbuat oleh Senat Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13hb. Ogos, 1990.

Varsiti Kita

Lihat Kampusku yang tenang
Damainya alam ciptaan Tuhan
Paduan ilmu dan keimanan
Amal dan jerih digabungkan

Lautan ilmu kita harungkan
Sumber ilmuan berkembang

Inilah Varsiti Kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita

Bangun berbakti membela
Memupuk insan jiwa bertakwa
Memimpin manusia semua
Kenal akan adat unggulnya

Membina negara sentiasa
Maju berilmu dan bahagia

Inilah Varsiti Kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita

Penggubah
Nazri Ahmad

Penulis Lirik:
Muhammad Hj. Salleh

Ilmu, Mutu dan Budi

Ilmu, mutu dan budi
Itulah harga diri
Hidup siswa siswi
Harapan ibu pertiwi

Ilmu, mutu dan budi
Itulah pelita hati
Asas pembinaan peribadi
Untuk menabur bakti

Itulah pegangan hidup kami
Sumber kekuatan rohani
Mutiara peradapan asli
Titian hidup abadi

Ilmu, mutu dan budi
Itulah pusaka sejati
Menuju cita-cita murni
Semoga Tuhan memberkati

Penggubah
Zubir Ali

Lirik
Hj. Salleh Hj. Yusof

**Ahli Jawatankuasa Penerbitan Buku Panduan
Prasiswazah Pusat Citra Universiti
Pusat Citra Universiti
Sesi Akademik 2018/2019**

Sesi Akademik 2019/2020

Penasihat

Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Marzuki Mustafa

Pengerusi

Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah Hj Siraj

Editor

Dr. Wahiza Wahi (Ketua)

Prof. Madya Dr. Nazri Muslim

Prof. Madya Dr. Mashitoh Yaacob

Prof. Madya Dr. Fazilah Idris

Dr. Jamsari Alias

Puan Azizah Ya'acob

Puan Nuretna Asurah Ahmad

Cik Sarah Mohamad Yunus

Encik Abdul Qaiyum Borhan

Reka Bentuk

Encik Nor Afian Yusof

Pembantu Penerbitan

Encik Amir Ismail

Puan Hazriati Hasan



Pusat CITRA Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Tel: +603-8921 6870/6871
Faks: +603-8925 2976
<http://www.ukm.my/citra>